# LAPORAN TAHUNAN 2010

PERBADANAN STADIUM MERDEKA
KOMPLEKS SUKAN NEGARA








# KANDUNGAN


- Latar Belakang 5
- Perutusan Pengerusi 6 - 7
- Perutusan Pengurus Besar 8 - 9
- Ahli Lembaga 10
- Ahli Pengurusan 11
- Carta Organisasi 12

**MAKLUMAT KORPORAT 13**
- Logo 14
- Visi 15
- Misi 15
- Polisi Kualiti 15
- Objektif Kualiti 16

**LAPORAN PRESTASI DAN PENCAPAIAN 2010 17**

**BAHAGIAN PENGURUSAN DAN KEWANGAN 19**
- Cawangan Pengurusan 20
- Cawangan Khidmat Pengurusan 21
- Cawangan Media dan Komunikasi Korporat 23
- Cawangan Pengurusan Sumber Manusia 27
- Cawangan Pembangunan Sumber Manusia 28
- Cawangan Pengurusan Maklumat 35
- Cawangan Keselamatan 36
- Cawangan KSNP 37
- Cawangan KSNJD 40
- Cawangan Kewangan 41
- Cawangan Perolehan 42
- Cawangan Kawalan Kredit 44
- Cawangan Pengurusan Aset dan Stor 45

**BAHAGIAN PEMASARAN DAN JUALAN 47**
- Cawangan Jualan 48
- Cawangan Pembangunan Perniagaan 52

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN ACARA 55**
- Cawangan Pengurusan Acara 56
- Cawangan Pembangunan Acara 58

**BAHAGIAN KEJURUTERAAN DAN PENYELENGGARAAN 73**
- Cawangan Kejuruteraan 77
- Cawangan Penyelenggaraan 79

**ANALISIS KEWANGAN 2010 83 - 86**

**PENYATA KEWANGAN 2010**
- Sijil Ketua Audit Negara
- Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah
- Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Perbadanan Stadium Malaysia.
- Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2010
- Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010
- Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tahun Berakhir pada 31 Disember 2010
- Penyata Aliran Wang Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010
- Nota-Nota Kepada Akaun Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010

**DIREKTORI PERBADANAN STADIUM MALAYSIA 102**


KOMPLEKS SUKAN NEGARA

# Latar Belakang

Perbadanan Stadium Merdeka (PSM) telah ditubuhkan melalui Akta  Parlimen No.11 Tahun 1963 (Federation of Malaya, Act of Parliament, No.11 of 1963). Melalui akta ini PSM telah ditubuhkan sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan berkuat kuasa mulai 26 Disember 1963 dan mengguna pakai Akta PSM 1963 (Akta 433).

Sehingga berakhirnya tahun 2010, PSM telah diamanahkan oleh kerajaan untuk mentadbir dan mengurus **Kompleks Sukan Negara (KSN**) yang terdiri daripada empat (4) buah Kompleks Sukan seperti berikut:-

**Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil (KSNBJ)**

- Diuruskan mulai Julai 1998
- 5 buah arena (Stadium Nasional, Stadium Putra, Stadium Hoki Nasional, Pusat Akuatik Nasional dan Pusat Skuasy Nasional)
- 3 kawasan rekreasi (Taman Sukan X-Treme Nasional, Bukit Komanwel dan  Pesisiran Sungai Kuyoh)

**Kompleks Sukan Negara Bukit Kiara (KSNBK)**

- Diuruskan mulai Julai 1998
- 2 buah arena (Stadium Juara dan Pusat Boling Padang Nasional)

**Kompleks Sukan Negara Panasonic (KSNP)**

- Diuruskan mulai November 2008
- Kemudahan kawasan infra (Trek Olahraga 400m; 2 padang bola sepak; 2 gelanggang tenis; 3 gelanggang sepak takraw; 2  gelanggang bola jaring; 1 gelanggang bola tampar; Kolam renang bersaiz Olimpik yang dilengkapi dengan sistem pencahayaan di dasar kolam (underwater lighting); dan kolam renang kanak-kanak).

- Kemudahan arena (Kawasan Arena dengan kapasiti 1,400 tempat duduk bagi acara sukan; kapasiti 3,400 tempat duduk bagi acara bukan sukan seperti majlis perkahwinan, Majlis Ulang Tahun dan sebagainya manakala keluasan 1,730 meter persegi membolehkan pembinaan gelanggang-gelanggang seperti 10 gelanggang badminton; atau 3 gelanggang bola tampar; atau 2 gelanggang bola keranjang; atau 2 gelanggang futsal).

**Kompleks Sukan Negara Jalan Duta (KSNJD)**

- Diuruskan mulai Mac 2009
- 3 buah arena (Kompleks Tenis Jalan Duta, Stadium Hoki Tun Razak dan Pusat Skuasy Negara)

Sejajar dengan kejayaan yang di kecapi sebagai tuan rumah  Sukan Komanwel Ke-16 pada tahun 1998, KSN di bawah pengurusan PSM telah berusaha dengan mengambil langkah positif dan berterusan untuk mempelbagaikan penggunaan di semua arena. Biarpun acara sukan menjadi keutamaan, namun arena-arena di bawah pengurusan PSM berfungsi sebagai lokasi paling strategik bagi tujuan penganjuran pelbagai acara bukan sukan seperti konsert, majlis perhimpunan, konvensyen, tapak ekspo jualan, majlis perkahwinan dan  pameran yang turut menjelaskan maksud di sebalik moto yang di hebahkan kepada umum iaitu ‘Di sini Segala-galanya Mungkin’ dan ‘Bukan Sekadar Arena Sukan’.



# Perutusan Pengerusi

**Assalamualaikum W.B.T dan Salam 1 Malaysia**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana kita masih berupaya di ketemukan dalam Laporan Tahunan Perbadanan Stadium Merdeka (PSM) bagi tahun 2010. Ruangan ini merupakan wadah yang berupaya untuk dijadikan sebagai kayu pengukur pencapaian sepanjang tahun 2010 untuk dimanfaatkan hasil laporan ini ke arah memantapkan lagi pengurusan dan operasi PSM agar lebih efektif.

Cabaran dan dugaan masa lampau telah membangun dan memperkembangkan lagi industri pengurusan venue sehingga menjadikan Kompleks Sukan Negara terus berdiri kukuh, dikenali serta menjadi pilihan dan rebutan para penganjur. Ini jelas dibuktikan apabila diari tempahan acara sentiasa penuh dengan tempahan sehingga tahun berikutnya terutamanya Stadium Putra dan Stadium Nasional. Kompleks Sukan Negara Panasonic di Shah Alam juga tidak kurang hebatnya apabila diari tempahan sentiasa mencatatkan tempahan-tempahan daripada

pihak penganjur.

Sepanjang 2010, jumlah acara mencatatkan peningkatan sebanyak 26.9% daripada 6,601 acara pada 2009 kepada 9,026 acara. Peningkatan ini jelas membuktikan bahawa KSN terus menjadi pilihan penganjur untuk penganjuran acara.

PSM terus merencana strategi yang tepat berpandukan visi dan misi bagi memastikan hala tuju dan langkah yang diambil untuk menjana pendapatan di samping mencapai kejayaan dalam industri pengurusan venue dan pembangunan perniagaan supaya sentiasa berubah dan mencatatkan peningkatan. Tahun 2010, pendapatan yang diperoleh daripada aktiviti perniagaan adalah RM1,730,457 keseluruhan pendapatan pada tahun 2010 menurun berbanding dari tahun 2009. Pendapatan PSM pada tahun 2010 telah berkurang sebanyak RM3,820,479 berbanding tahun 2009. Jumlah Perbelanjaan pada tahun 2010 telah berkurang sebanyak RM 14,423,611 berbanding tahun 2009. Pada keseluruhan, jumlah lebihan pendapatan selepas cukai pada tahun 2010 ialah sebanyak RM 6,972,912 berbanding kurangan pendapatan sebanyak RM 3,528,702 pada tahun 2009.

PSM turut memberikan tumpuan serius kepada aktiviti Pembangunan Perniagaan yang terajui oleh Bahagian Perniagaan dan Pemasaran. Pembangunan Perniagaan mempunyai prospek yang lebih jauh di mana matlamat utama adalah untuk menjadikan KSN sebagai sebuah Bandar Sukan di Bukit Jalil. Sebanyak 330 ekar tanah di KSNBJ dan KSNBK telah dipajakkan mulai tahun 2009 selama 30 tahun dengan opsyen pelanjutan 30 tahun bagi tujuan memaksimumkan penggunaan tanah untuk pembangunan komersial yang melibatkan pelaburan daripada pihak swasta.

Profesionalisme, komitmen dan kerja keras merupakan elemen teras yang menjana kejayaan dan inilah kualiti yang terdapat pada pengurusan dan warga kerja PSM. Bekerja sebagai satu pasukan yang mantap, gabungan daya fikir dan keupayaan kreativiti mereka telah menghasilkan pencapaian yang memuaskan. Dalam meletakkan unjuran untuk pencapaian yang lebih tinggi, saya amat yakin dengan pengurusan dan warga kerja PSM. PSM juga berazam untuk menjadi sebuah organisasi yang ditunjangi oleh etika yang murni dan melangkah ke hadapan dengan lebih proaktif.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan tulus ikhlas saya kepada semua kakitangan PSM yang tetap memberikan tumpuan yang tinggi terhadap tugas mereka khususnya dalam arus perubahan organisasi. Walaupun sesuatu perubahan itu mungkin tidak menyeronokkan dan kadang-kadang menyukarkan, para kakitangan PSM telah menunjukkan kesiagaan untuk menghadapi cabaran baru. Terima kasih diucapkan atas profesionalisme, dedikasi dan sokongan mereka. Saya juga merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan Ahli Lembaga PSM yang sentiasa bermurah hati dalam memberikan sokongan dan nasihat bernas. Ilmu pengetahuan, pengalaman dan buah fikiran anda amatlah tinggi nilainya. Tidak dilupakan juga Kementerian Belia dan Sukan yang sentiasa memacu, memimpin, khidmat nasihat dan kerjasama dalam perjalanan pengurusan Perbadanan.

Sekian.



**DATUK MOHD SAID YUSOF**
Pengerusi PSM



# Perutusan
# Pengurus Besar

**Assalamualaikum W.B.T, Salam 1 Malaysia dan Salam Sejahtera,**

Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT serta mengucapkan tahniah dan syabas kepada warga Perbadanan Stadium Merdeka kerana terus komited merancang dan melaksana pelbagai program dan aktiviti di samping menyumbangkan khidmat bakti demi kemajuan dan kecemerlangan PSM. Tahun 2010 telah menuntut kita untuk terus berusaha lebih gigih bagi memastikan apa jua perancangan yang telah dibuat dapat dijayakan dengan sempurna. Kita imbas sejenak bagi menilai pencapaian kita di samping mengenal pasti kekuatan, kekurangan atau kelebihan sepanjang tahun 2010 kerana ia amat penting dalam usaha untuk merangka langkah-langkah penambahbaikan bagi memperoleh pencapaian semasa dan tahun-tahun mendatang.

Pelbagai pendekatan dan aktiviti yang telah di laksanakan pada tahun 2010 antaranya mempergiatkan usaha mempromosikan ruang dan arena di Kompleks Sukan Negara serta menjalinkan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkenaan ke arah peningkatan penganjuran acara dan penjanaan hasil yang berterusan. Tahun ini juga mencatatkan sejumlah 9,026 acara dan acara bukan sukan merupakan penyumbang jumlah pendapatan yang tertinggi iaitu RM4,143,951.00 berbanding acara sukan dan latihan sukan. Dari aspek venue, Stadium Putra kekal tersenarai sebagai penyumbang hasil tertinggi dengan perolehan sebanyak RM3,078,175.00. Keseluruhannya

hasil yang diperoleh daripada pungutan sewaan keempat-empat kompleks utama adalah bernilai RM5,946,862.00. Manakala hasil yang diperoleh daripada aktiviti Pembangunan Perniagaan juga memberangsangkan dengan jumlah sebanyak RM1,730,457.40. PSM turut memperoleh hasil daripada aktiviti program rekreasi, iaitu renang, tenis, skuasy, sepak takraw, badminton, ping pong serta gym dan trek yang mencatatkan hasil sebanyak RM254,623.00 untuk tahun 2010.

Walaupun penjanaan hasil menjadi aspek utama kepada PSM namun kebajikan kakitangan tidak diabaikan kerana kakitangan adalah tunggak dalam merealisasikan perancangan yang telah tetapkan. Demi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan, beberapa siri kursus, seminar telah diaturkan kepada mereka agar segala ilmu dan kemahiran sedia ada dapat dipertingkatkan lagi. Perbadanan telah memperuntukkan sejumlah RM80,000 bagi tujuan ini. Selain itu untuk memotivasikan kakitangan untuk terus bekerja dengan penuh semangat dan dedikasi, pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang turut diberikan pada setiap tahun kepada kakitangan yang mencapai prestasi cemerlang.

Demi memperkukuhkan dan meyakinkan lagi pihak-pihak yang menggunakan kemudahan yang disediakan, PSM sentiasa memastikan segala kualiti perkhidmatan yang diberikan memenuhi piawaian yang ditetapkan. Justeru pada 2010, PSM telah berjaya mengorak langkah lagi dengan berjaya memperoleh pensijilan MS ISO 9001:2008 selepas tamatnya pensijilan MS ISO 9001:2000. Pensijilan ini amat dipandang serius oleh Perbadanan kerana mengurus dan mentadbir venue bertaraf internasional serta menjadi tumpuan ramai di samping dapat menarik lagi kepercayaan dan keyakinan semua pihak terhadap kredibiliti dan produktiviti PSM.

Di samping penganugerahan pensijilan MS ISO tersebut, PSM telah mengambil langkah untuk menangani beberapa isu dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan kerajaan kerana masih bertunjangkan Akta PSM 1963. Isu-isu tersebut adalah ialah masih menggunakan nama ‘Perbadanan Stadium Merdeka’, bidang kuasa Perbadanan terhad, dan kebergantungan kepada dana kerajaan. Justeru pada tahun 2010 PSM dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan, Rang Undang-undang (RUU) Perbadanan Stadium Malaysia 2010 telah diusulkan. RUU ini diusulkan untuk menggantikan Akta sedia ada yang diguna pakai. Akta ini akan menjadikan PSM ditubuhkan sebagai Perbadanan Stadium Malaysia dan memperluaskan skop kerja PSM melalui pelaksanaan dasar-dasar baru khususnya berkaitan dengan pembangunan industri sukan sebagai usaha bersepadu untuk menyemarakkan ekonomi melalui pembangunan sukan. Alhamdulillah pada bulan 30 Disember 2010, Akta Perbadanan Stadium Malaysia 2010 (Akta 717) telah diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong selepas melepasi bacaan pertama, kedua dan ketiga di peringkat Parlimen.

Aspek penyelenggaraan juga merupakan perkara penting yang diberi tumpuan khusus memandangkan usia KSN telah mencapai 14 tahun. Pelbagai aspek penyelenggaraan telah dilakukan dengan menggunakan peruntukan berjumlah RM30 juta yang disalurkan oleh kerajaan serta untuk memastikan semua kemudahan dan venue yang ada dapat di gunakan pada bila-bila masa. Di samping itu PSM turut membangunkan beberapa projek pembangunan melalui peruntukan khas yang disalurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan demi memajukan dan menaik taraf di sekitar KSN.

Demi memastikan semua kompleks yang di tadbir, diurus dan di selenggara sentiasa menjadi pilihan penganjuran acara, PSM tidak pernah berhenti daripada mempromosikan kesemua venue ini pada setiap tahun dan untuk tahun 2010 sejumlah RM481,979.50 telah dibelanjakan untuk tujuan ini yang merangkumi percetakan,pameran,periklanan, penerbitan video, cenderahati korporat, pemasangan tanda nama stadium-stadium dan penyelenggaraan galeri.

2010 telah melabuhkan tirainya dan 2011 disambut kehadirannya dengan penuh azam dan semangat. PSM membuka lembaran baru ini dengan pelbagai perancangan dan sasaran bagi menempuhi dugaan, mengharungi arus cabaran serta persaingan ke arah menambah baik dan memajukan Kompleks Sukan Negara. PSM turut menetapkan sasaran yang tinggi untuk mempercepatkan pelaksanaan kerja selari dengan apa yang digariskan di dalam Program Transformasi Kerajaan.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli Lembaga PSM, Kementerian Belia dan Sukan, kakitangan serta lain-lain pihak yang memberikan sokongan dan kerjasama dalam kejayaan PSM hari ini. Semoga kerjasama ini terus kekal dan dipertingkatkan untuk mencapai sasaran dan perancangan yang telah ditetapkan.

Sekian.

**Wan Nor Azinah Zaniby Binti Wan Hashim**
Pengurus Besar PSM

# Lembaga **PSM**

**PENGERUSI PSM**
Y.Bhg. Datuk Mohd Said Bin Yusof

| AHLI LEMBAGA | AHLI GANTI |
|---|---|
| **Puan Wan Nor Azinah Zaniby Binti Wan Hashim**<br>Wakil Perbadanan Stadium Merdeka | Tiada |
| **YBhg Dato' Mohid Bin Mohamed/**<br>**YBhg Datuk Jamil Bin Salleh**<br>Wakil Kementerian Belia dan Sukan Malaysia | **Encik Othman Bin Arshad**<br>Wakil Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia |
| **Encik Gan Thye Heng**<br>Wakil Kementerian Kewangan Malaysia | **Puan Meenachi A/P Muniandy**<br>Wakil Kementerian Kewangan Malaysia |
| **YBhg Datuk Hj Othman Bin Mahmood**<br>Wakil Jabatan Perdana Menteri | **Encik Mohtar Bin Mohd Abd Rahman**<br>Jabatan Perdana Menteri |
| **YBhg Dato' Zolkeples Bin Embong**<br>Wakil Majlis Sukan Negara Malaysia | **Encik Abdul Rashid Bin Yaakub**<br>Majlis Sukan Negara Malaysia |
| **YBhg Dato' A.Sani Bin Karim/**<br>**YBhg Datuk Syed Mustaffa Bin Syed Ali**<br>Persatuan Skuasy Malaysia (SRAM) | Tiada |
| **YBhg Lt Jen (B) Dato' Azzuddin Bin Ahmad**<br>Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) | Tiada |
| **Encik Karim Bin Ibrahim**<br>Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) | Tiada |
| **Encik Zainal Bin Othman**<br>Persatuan Renang Amatur Malaysia (ASUM) | Tiada |
| **Encik Ganga Rao / Encik Ng Chin Chai**<br>Persatuan Badminton Malaysia (BAM) | Tiada |
| **YB Datuk Paduka Ghazali Bin Ibrahim**<br>Wakil Korporat | Tiada |
| **YBrs Dr Shamsul Anwar Bin Sulaiman**<br>Wakil Korporat | Tiada |
| **Encik Huan Cheng Guan**<br>Wakil Korporat | Tiada |

# Pengurusan



**Puan Wan Nor Azinah Zaniby Binti  Wan Hashim**
Pengurus Besar
Perbadanan Stadium Merdeka (N48)

**Tuan Haji Ahmad Halmi Bin Harun**
Pengurus Bahagian
Pengurusan dan Kewangan
(Gred N44)



**Encik Mohd Zulqurnain Bin Hj Muhammad**
Pengurus Bahagian
Pembangunan dan
Pengurusan Acara (Gred N41)





**Encik Mohamad Sapuan Bin Mat**
Pengurus Bahagian Kejuruteraan
dan Penyelenggaraan
(Gred J41)



**Encik Khairul Azhar Bin Sardar Mohamed**
Pengurus Bahagian Pemasaran dan
Jualan (Gred N41)

# Carta Organisasi

**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA**

**AHLI LEMBAGA PSM**

**PENGURUS BESAR PSM**

### PENGURUS BAHAGIAN PENGURUSAN DAN KEWANGAN

- Cawangan Pengurusan
- Cawangan Khidmat Pengurusan
- Cawangan Media & Komunikasi Korporat
- Cawangan Pengurusan Sumber Manusia
- Cawangan Pembangunan Sumber Manusia
- Cawangan Pengurusan Maklumat
- Cawangan Keselamatan
- Cawangan KSNP
- Cawangan KSNJD
- Cawangan Kewangan
- Cawangan Perolehan
- Cawangan Kawalan Kredit
- Cawangan Pengurusan Aset & Stor

### PENGURUS BAHAGIAN PEMASARAN DAN JUALAN

- Cawangan Jualan
- Cawangan Pembangunan Acara

### PENGURUS BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN ACARA

- Cawangan Pengurusan Acara
- Cawangan Pembangunan Acara

### PENGURUS BAHAGIAN KEJURUTERAAN DAN PENYELENGGARAAN

- Cawangan Kejuruteraan
- Cawangan Penyelenggaraan

# Maklumat Korporat

# Logo











- Logo yang menggambarkan bentuk separuh bumbung Stadium Nasional yang menjadi simbol dan identiti KSN.

- **Tujuh palang yang merentangi bumbung** merupakan simbolik tanda kemegahan dan keunikan KSN serta membawa makna tujuh buah venue yang terdapat di KSN iaitu Stadium Nasional, Stadium Putra, Stadium Hoki Nasional, Stadium Juara, Pusat Akuatik Nasional, Pusat Skuasy Nasional, Pusat Boling Padang Nasional.

- Manakala **bulatan yang menjadi penyambung** kepada bumbung melambangkan tiga (3) taman yang terdapat di KSN iaitu Taman Sukan X-Treme Nasional, Bukit Komanwel dan Pesisiran Sungai Kuyoh.

- **Bulatan dan separuh bulatan di tengah-tengah bumbung** pula menggambarkan konsep bersepadu venue pelbagai guna.

- **Warna Merah**
  Melambangkan keberanian, keteguhan dan berdaya saing

- **Warna Biru**
  Menggambarkan ketinggian inspirasi dan kebanggaan rakyat terhadap Kompleks Sukan Negara

- **Warna Ungu**
  Penyatuan kesemua warna bagi menimbulkan suasana keselesaan, penyatuan, harmoni dan seimbang.

- **'Kompleks Sukan Negara' yang mengelilingi Logo** membawa erti kerjasama, kesepakatan dan keteguhan warga KSN demi memastikan venue ini terus unggul dan dikenali sebagai venue yang bertaraf dunia.

## Visi PSM

Visi PSM Adalah Meletakkan KSN Sebagai Satu Kompleks Yang Terunggul Di Persada Dunia Melalui Penyediaan Kelengkapan Terkini Dan Melebihi Jangkaan Pelanggan.

## Misi PSM

Menyediakan Kemudahan Venue Yang Lengkap Dan Terkini, Mempelbagaikan Aktiviti Penggunaan Stadium dan Mempertingkatkan Pendapatan

## Polisi Kualiti

PSM Komited Untuk Menyediakan Kemudahan Venue Pelbagai Guna Dan Perkhidmatan Berkualiti Yang Melebihi Jangkaan Pelanggan, Standard Dan Perundangan Secara Guna Tenaga Yang Optimum Dan Penambahbaikan Yang Berterusan Berlandaskan Objektif Kualiti Yang Ditetapkan.

# Objektif **Kualiti**

| BAHAGIAN | OBJEKTIF | SASARAN |
|---|---|---|
| Bahagian Pemasaran Dan Jualan | 1. Kepuasan Pelanggan | > 70% |
| | 2. Peningkatan Jumlah Pendapatan Sewaan | > 5% Setahun |
| | 3. Mencari Pelanggan Berpotensi | > 8 Pelanggan/Bulan |
| Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Acara | 1. Menganjurkan Acara Dalaman Dan Program Rekreasi | > 6 Kali Setahun |
| | 2. Mesyuarat Teknikal Bagi Setiap Acara | > 1 Mesyuarat/Acara |
| | 3. Penyediaan Dan Edaran Senarai Semak Persiapan | > 3 Hari Sebelum Acara Bermula |
| Kejuruteraan Dan Penyelenggaraan | 1. Melaksanakan Penyelenggaraan Mengikut Jadual | > 85% |
| | 2. Tempoh Tindak Balas Kepada Aduan Kerosakan | < 1 Hari |
| | 3. Mesyuarat Dengan Kontraktor Tetap | > 1 kali /Bulan |
| Bahagian Pengurusan Dan Kewangan | 1. Penyediaan Bil Acara Selepas Penerimaan Laporan Lengkap | < 14 Hari |
| | 2. Proses Panggilan Sebut harga | < 7 Hari |
| | 3. Aktiviti Promosi | > 6 Kali/Tahun |
| | 4. Tempoh Maklum Balas Aduan Awam | < 3 Hari |
| | 5. Latihan | > 7 Hari/Kakitangan Tetap/Tahun |
| | 6. Penganjuran Kursus Dalaman | > 6 Kursus Dalaman/ Tahun |

# Laporan Prestasi & Pencapaian 2010














# Bahagian Pengurusan & Kewangan

Amalan pengurusan dan kewangan yang dilaksanakan oleh PSM sepanjang mengurus, mentadbir dan menyenggara KSN adalah berlandaskan kepada Akta PSM 1963 (Akta 433) serta peraturan-peraturan kerajaan dan dasar-dasar yang digubal dan dirangka oleh Lembaga PSM.

Peningkatan dalam aktiviti sukan dan rekreasi memerlukan satu bentuk pengurusan venue yang lebih sistematik, efisien dan berinovatif demi memastikan industri pengurusan venue yang ditawarkan oleh KSN adalah menepati kehendak pasaran dan permintaan semasa. Bahagian Pengurusan dan Kewangan (BPK) berperanan bagi memastikan perubahan positif yang dilaksanakan demi memenuhi kehendak semasa seharusnya selari dan menepati peraturan-peraturan kerajaan dari masa ke semasa.

BPK mempunyai seramai 50 orang kakitangan dan pelaksanaan aktiviti harian di bawah seliaan BPK dipertanggungjawabkan kepada 9 cawangan utama iaitu Cawangan Pengurusan, Cawangan Khidmat Pengurusan, Cawangan Media & Komunikasi Korporat, Cawangan Pengurusan Sumber Manusia, Cawangan Pembangunan Sumber Manusia, Cawangan Pengurusan Maklumat, Cawangan KSNP, Cawangan KSNJD, Cawangan Keselamatan, Cawangan Kewangan, Cawangan Perolehan, Cawangan Kawalan Kredit dan Cawangan Pengurusan Aset & Stor.

BPK bertanggungjawab untuk melaksanakan fungsi-fungsi yang telah diamanahkan bagi memastikan pengurusan di KSN berjalan dengan lancar dan mengikut perancangan yang telah ditetapkan seperti berikut:-

- Mentadbir dan mengurus hal-hal yang berkaitan dengan urusan pentadbiran bagi mengawal selia PSM yang berlandaskan kepada dasar-dasar kerajaan dan Akta PSM.

- Mengurus dan mengawal selia pengurusan kewangan dan dikendalikan mengikut prosedur yang ditetapkan.

- Merancang, melaksana dan menyelaraskan urusan-urusan berkaitan perjawatan, tatatertib, latihan dan perkhidmatan untuk membina modal insan yang berkualiti dan produktif.

- Membentuk sistem perhubungan awam dan promosi yang berkesan bagi memudahkan orang ramai berhubung dan berurusan.

- Merancang dan menguruskan pembangunan sistem dan teknologi maklumat untuk memastikan ia sentiasa menepati keperluan dan kehendak semasa.

- Memantau, mengawasi dan memeriksa sistem keselamatan di KSN sentiasa berada di tahap yang terbaik dan bertanggungjawab secara langsung terhadap aspek keselamatan stadium, harta benda dan inventori.

# Cawangan Pengurusan

Cawangan Pengurusan merupakan salah sebuah entiti penting di PSM yang berperanan untuk menunaikan tanggungjawab, dasar dan polisi di samping melaksanakan arahan dan pekeliling yang berkuat kuasa dengan tidak mengabaikan kebajikan kepada kakitangan.

### PENSIJILAN MS ISO

Pada 27 Oktober 2004, PSM telah berjaya mendapatkan Pensijilan MS ISO 9001:2000 bagi tempoh 27 Oktober 2004 hingga 26 Oktober 2007 bagi skop pendaftaran Pengurusan Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil dan Kompleks Sukan Bukit Kiara yang merangkumi aktiviti pemasaran dan promosi, pengurusan acara dan penyelenggaraan.

Pensijilan yang diperoleh ini berjaya dikekalkan untuk tahun yang ke-5 apabila pada tahun 2009, PSM telah berjaya mengekalkan pensijilan ini. SIRIM QAS International Sdn Bhd merupakan badan yang bertanggungjawab untuk memberikan pensijilan MS ISO 9001:2000 ini. Pengekalan pensijilan ini membuktikan bahawa PSM mengamalkan dan melaksanakan sistem pengurusan yang memenuhi piawaian yang telah ditetapkan demi mencapai visi, misi dan objektif yang telah ditetapkan.

Bukti PSM sentiasa mengorak langkah ke hadapan ialah pada 30 November 2010 hingga 26 Oktober 2013, PSM memperoleh pensijilan MS ISO 9001:2008. PSM akan sentiasa memastikan semua lapisan kakitangan merealisasikannya sistem pengurusan yang diamalkan, operasi harian adalah mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

## MESYUARAT LEMBAGA

Lembaga PSM telah bermesyuarat 3 bulan sekali untuk mempertimbangkan, mengkaji semula, menilai polisi dan strategi yang dilaksanakan serta memantau prestasi pengurusan. Sepanjang tahun 2009, Lembaga telah bermesyuarat sebanyak 4 kali. Semua Ahli Lembaga diberikan laporan lengkap dan cadangan lengkap mengenai perkara yang akan dibincangkan sebelum mereka menghadiri mesyuarat. Ini bertujuan membolehkan mereka mempertimbangkan perkara-perkara yang perlu dibincangkan dalam mesyuarat terlebih dahulu sebelum mesyuarat diadakan. Berikut adalah butir-butir kehadiran mesyuarat Ahli Lembaga PSM.

| | Nama | Kehadiran |
|---|---|---|
| 1. | YBhg Datuk Mohd Said Bin Yusof | 4/4 |
| 2. | Puan Wan Nor Azinah Zaniby Binti Wan Hashim | 4/4 |
| 3. | YBhg. Dato' Mohid Bin Mohamed/<br>YBhg Datuk Jamil Bin Salleh | 1/4<br>2/4 |
| 4. | YBhg Datuk Hj Othman Bin Mahmood | 3/4 |
| 5. | Encik Gan Thye Heng/<br>Puan Meenachi A/P Muniandy | 2/4<br>0/4 |
| 6. | YBhg Dato' Zolkples Bin Embong/<br>Encik Abdul Rashid Bin Yaakub | 0/4<br>2/4 |
| 7. | YBhg Dato' A.Sani Bin Karim/<br>YBhg Dato' Syed Mustaffa Bin Syed Ali | 2/4<br>1/4 |
| 8. | YBhg Lt Jen (B) Dato' Azzuddin Bin Ahmad | 2/4 |
| 9. | Encik Karim Bin Ibrahim | 3/4 |
| 10. | Encik Zainal Bin Othman | 3/4 |
| 11. | Encik Ganga Rao/<br>Encik Ng Chin Chai | 0/4<br>1/4 |
| 12. | YB Datuk Paduka Ghazali Bin Ibrahim | 1/4 |
| 13. | Encik Huan Cheng Guan | 0/4 |
| 14. | YBrs Dr Shamsul Anwar Bin Sulaiman | 2/4 |

# Cawangan Khidmat Pengurusan

Cawangan Khidmat Pengurusan merupakan sebuah Cawangan yang memberikan khidmat sokongan kepada semua Bahagian di KSN dan bertanggungjawab di dalam soal pentadbiran am.

## MENYELARAS HAL-EHWAL PINJAMAN KENDERAAN DAN KOMPUTER KAKITANGAN

Pada tahun 2010 sejumlah RM35,300 telah digunakan bagi maksud pinjaman yang merangkumi 4 pinjaman kenderaan motosikal dan 4 pinjaman komputer. Peraturan pinjaman kenderaan dan komputer adalah berdasarkan kepada pekeliling terkini yang dikeluarkan oleh kerajaan.

## MENYELARAS KELENGKAPAN PERALATAN PEJABAT DAN BILIK MESYUARAT SERTA MEMASTIKAN KEADAAN PERSEKITARAN PEJABAT YANG SELESA DAN AMAN

Cawangan ini juga menjalankan kerja-kerja yang melibatkan skop peralatan dan persekitaran jabatan seperti berikut:

- Perhiasan Sambutan Hari Kemerdekaan termasuk pembekalan Banner, Bunting dan bendera dengan kos sebanyak RM24,945.00.
- Menyelaras dan memantau penggunaan sewaan mesin fotostat di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, Kompleks Sukan Negara Panasonic dan Kompleks Sukan Negara Jalan Duta yang melibatkan perbelanjaan tetap sebanyak RM70,500 setahun tidak termasuk bacaan meter.
- Menyelaras penyelenggaraan 6 buah mesin penapis air Marubishi di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil dengan kos sebanyak RM2,700 setahun.
- Memantau kontrak hiasan pasu bunga di Stadium Nasional dan Stadium Putra dengan kos sebanyak RM37,200 setahun.
- Memantau kontrak perkhidmatan alas kaki di Stadium Nasional dan Stadium Putra dengan kos sebanyak RM14,904 setahun.
- Menyelia penggunaan telefon pejabat melalui talian Celcom Power 38 sebanyak 5 talian dan dua buah broadband yang digunakan oleh kakitangan sewaktu berkursus dan bertugas rasmi.

## MENYELARAS PERBEKALAN PAKAIAN SERAGAM KAKITANGAN

Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil 7 Tahun 1990 - Peruntukan Bekalan Pakaian Seragam, setiap tahun Cawangan ini akan menyelaras perbekalan pakaian seragam kepada kakitangan sokongan II yang terdiri daripada Juruteknik, Juruletrik, Pengawas Padang, Pembantu Pejabat, Penyelia, Pemandu Kenderaan dan Pekerja Rendah Awam yang melibatkan sebanyak 50 orang kakitangan. Bagi tahun 2010 kesemua perbekalan pakaian seragam telah dilakukan dengan kos sebanyak RM25,435.00.

Pada tahun 2010 juga, Cawangan ini telah menyelaras kerja-kerja membekal pakaian korporat Kementerian Belia dan Sukan (KBS) kepada kakitangan yang dipakai pada setiap hari Selasa. Peruntukan bekalan ini dibuat hanya sekali dalam tempoh setahun dan kos sebanyak RM8,453.00.

## MENYELARAS PENGGUNAAN DAN PENYELENGGARAAN KENDERAAN JABATAN

Satu pembelian baru kenderaan jenis Toyota Fortuner 2.7V(P) A/T (WUD 2740) telah dibuat pada tahun 2010 berikutan pertambahan penggunaan kenderaan. Pembelian tersebut dibuat dengan kos sebanyak RM188,180.70. Cawangan ini juga bertanggung jawab untuk menyelaras cukai jalan termasuk insurans lain-lain kenderaan jabatan, penyelenggaraan mengikut jadual perbatuan kenderaan dan jadual penggunaan kenderaan oleh kakitangan. Antara kenderaan yang di selenggara ialah seperti berikut:-

- *Toyota Fortuner* WQW 8390
- Pajero *Mitshubishi* WHW 2466
- Van Kia Pregio WNY 8592
- Proton Perdana Eksekutif WPM 508
- Lori HICOM 3 tan WKM 4766
- Lori HICOM 3 tan .WSP 4458
- Motosikal *Modenas Kriss* WLU 9607
- Motosikal *Modenas Karisma* WLX 6421
- *Fork Lift* WJC 1712

Cawangan Khidmat Pengurusan juga menyelaras penggunaan Kad Inden Minyak dan Kad Touch & Go jabatan selaras dengan pekeliling terkini yang dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia berhubung penyelenggaraan kenderaan jabatan. Kos penyelenggaraan kenderaan sahaja tidak termasuk cukai dan insurans berjumlah RM38,108.22 pada tahun 2010.

## MENYELARAS PROGRAM PERHIMPUNAN BULANAN PERINGKAT PSM DAN KBS

Berpandukan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 tahun 2007: Panduan Pengurusan pejabat, setiap bulan, Cawangan ini akan bertanggungjawab menyelaras program perhimpunan kakitangan bagi menyampaikan amanat ketua jabatan di samping berinteraksi dan berkomunikasi dalam menyalurkan maklumat kepada kakitangan. Perhimpunan yang diberi nama Perhimpunan Mesra KSN ini turut mengadakan beberapa anugerah kepada kakitangan pada setiap bulan seperti berikut:

- Anugerah Kedatangan Cemerlang Kakitangan Lelaki dan Wanita

- Anugerah Khas Pilihan Ketua Bahagian.

Penganjuran Perhimpunan peringkat PSM ini digilirkan mengikut Bahagian yang terdapat di PSM. Selain dari menyelaras 12 kali perhimpunan peringkat jabatan, Cawangan ini turut terlibat dalam penganjuran perhimpunan peringkat Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang digilirkan kepada setiap jabatan dan agensi di bawah KBS. Pada tahun 2010, KSN dengan jayanya telah menganjurkan perhimpunan Peringkat Kementerian pada Bulan November. Selain daripada penganjuran Perhimpunan Bulanan peringkat Jabatan dan Kementerian, Cawangan Khidmat Pengurusan juga turut menganjurkan majlis-majlis keraian seperti, Majlis Rumah Terbuka Sempena Hari Raya KSN, Majlis Sambutan Deepavali dan Majlis Meraikan Persaraan kakitangan. Sebanyak RM78,197.10 telah digunakan bagi maksud ini pada tahun 2010.

## MENYELARAS DAN MEMANTAU HAL EHWAL PERUBATAN KLINIK PANEL KAKITANGAN

Pada tahun 2010, KSN telah memperkenalkan kemudahan bayaran balik rawatan pergigian kepada semua kakitangan KSN. Bayaran semula rawatan pergigian yang diberi meliputi cabutan gigi biasa/pembedahan, tampalan, scaling gigi dan rawatan akar gigi. Selain itu Cawangan ini juga bertanggungjawab untuk menyemak dan memastikan rawatan kakitangan oleh klinik-klinik yang dilantik sebagai panel tidak melebihi had dan syarat yang ditetapkan. Sehingga kini PSM kini mempunyai sebanyak 193 buah klinik yang telah dilantik sebagai klinik panel di sekitar Lembah Kelang. Keseluruhannya perbelanjaan rawatan perubatan kepada semua kakitangan pada tahun 2010 adalah berjumlah sebanyak RM106,851.13.

# Cawangan Media & Komunikasi Korporat

Cawangan Media dan Komunikasi Korporat berperanan dalam merancang dan melaksana pelan media berhubung dengan publisiti dan promosi bagi setiap dasar dan peranan jabatan melalui media cetak dan elektronik. Selain itu cawangan ini juga bertanggungjawab dalam menguruskan perhubungan awam dan media, mengurus dan mendokumentasikan bahan maklumat, memantau dan mengurus maklum balas aduan dan cadangan, menyelaras persiapan majlis dan aturan lawatan dari dalam dan luar negara serta merancang dan mengendali urusan mendapatkan maklum balas kepuasan pelanggan berhubung perkhidmatan yang diberikan serta acara yang dianjurkan.

## PENGENDALIAN ADUAN AWAM

Tahun 2010 terus mencatatkan penurunan sebanyak tiga (3) aduan daripada tahun 2009 menjadikan jumlah aduan diterima adalah sebanyak 10 aduan. Sebanyak tujuh (7) aduan berkaitan kemudahan yang disediakan, dua (2) aduan perkhidmatan yang tidak memuaskan dan satu (1) aduan kerosakan harta milik orang awam di dalam kawasan KSN. Semua aduan telah berjaya diselesaikan dan laporan Statistik Aduan Awam dihantar kepada Biro Pengaduan Awam untuk tujuan rekod. Carta berikut menunjukkan perbandingan jumlah aduan dari tahun 2007 hingga 2010.

**PERBANDINGAN JUMLAH ADUAN DARI TAHUN 2007 HINGGA 2010**




## PROGRAM LAWATAN STADIUM

Sepanjang tahun 2010, KSN telah menerima seramai 1,069 orang pelawat dari pelbagai sektor. Maklumat pelawat adalah seperti berikut:-

| KENAMAAN DAN LUAR NEGARA | | |
|---|---|---|
| 1. | Universiti Brunei Darussalam | 06.01.2010 |
| 2. | Delegasi Koni Riau, Indonesia | 12.06.2010 |
| 3. | Delegasi Koni Riau, Indonesia | 17.06.2010 |
| 4. | Pengurus Kanan IAAF-HPTC , Monaco | 28.10.2010 |
| 5. | Kuo Chuan Presbyterian Secondary School, Singapura | 22.11.2010 |
| 6. | Participant Of The Asian Football Confederation Commissioners Seminar | 10.12.2010 |

| ORGANISASI DAN AGENSI | | |
|---|---|---|
| 1. | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu | 28.01.2010 |
| 2. | Permodalan Nasional Berhad, Kuala Lumpur | 23.10.2010 |

| INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) DAN SWASTA (IPTS) | | |
|---|---|---|
| 1. | Diploma Pengajian Sukan, UiTM Shah Alam | 25.02.2010 |
| 2. | Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur UiTM Shah Alam | 09.03.2010 |
| 3. | Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kuala Lumpur | 11.03.2010 |
| 4. | Kelab Badminton Universiti Utara Malaysia, Kedah | 26.03.2010 |
| 5. | Kolej PTPL, Shah Alam. | 25.05.2010 |
| 6. | Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi | 13.10.2010 |

| SEKOLAH | | |
|---|---|---|
| 1. | Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Kluang Johor | 26.06.2010 |
| 2. | Sekolah Men. Agama (Arab) Yayasan Khairiah, Kedah | 17.06.2010 |
| 3. | Sekolah Men. Keb. Pasir Gudang, Johor | 24.06.2010 |
| 4. | Sek. Men. Keb. Adela, Kota Tinggi, Johor | 04.08.2009 |
| 5. | SMK Sri Andalas, Klang Selangor | 14.05.2010 |
| 6. | Sekolah Men. Keb. Sungai Kapar Indah, Klang | 02.10.2010 |
| 7. | SJK(T) Kangkar Pulai, Johor | 03.10.2010 |
| 8. | Sekolah Keb. Ringlet, Cameron Hinghlands Pahang | 01.11.2010 |
| 9. | Sekolah Men. Keb. Ayer Hitam, Kedah | 04.11.2010 |
| 10. | SABK Maahad Al-Tarbiah Al-Islamiah, Perak | 11.11.2010 |
| 11. | Sek. Keb. Permatang Pasir, Bandar Baharu Kedah | 25.11.2010 |

### PERBANDINGAN JUMLAH LAWATAN  DARI TAHUN 2008 HINGGA 2010

KENAMAAN/ LUAR NEGARA




ORGANISASI/ AGENSI




IPTA/ IPTS




SEKOLAH




Carta menunjukkan peningkatan yang tinggi bagi kategori lawatan Kenamaan 83.3% dan Luar Negara pada tahun 2010 dengan mencatatkan peratusan kenaikan berbanding lain-lain kategori. Kategori sekolah mencatatkan 57.1% kenaikan pada tahun 2010.  Namun begitu PSM akan terus merencanakan perancangan dan idea dari semasa ke semasa bagi tujuan  menarik  semua pihak  untuk terus mengunjungi KSN.

## AKTIVITI PROMOSI

Tahun 2010, sejumlah RM230,000.00 telah diperuntukkan bagi menjalankan aktiviti promosi seperti percetakan, penyertaan program pameran, periklanan di direktori, media cetak, media elektronik, buku pelancongan serta penyelenggaraan galeri.

- **Percetakan:** Kerja-kerja yang dijalankan meliputi flyers, poster, bunting dan banner untuk aktiviti in house, majlis rasmi jabatan, kad perayaan, diari, giant mural sticker yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM66,608.00.

- **Penyertaan Program Pameran:** Pada tahun 2010, hanya satu pameran sahaja yang disertai oleh KSN iaitu pameran Malaysia Sports Trade & Golf Expo 2010 anjuran Bahagian Industri Sukan, Kementerian Belia dan Sukan di Pusat Pameran Antarabangsa Mines.

- **Periklanan:** PSM telah membeli beberapa ruang iklan menerusi direktori terkenal bagi mempromosikan venue yang ada di KSN. Direktori tersebut diedarkan di tempat-tempat terkemuka di seluruh Malaysia dan juga Singapura. Antara direktori berkenaan adalah Business Link Directory, Visit Malaysia Guide, Meeting Planner, Yellow Pages Singapore, 701panduan.com, SMIBD, Malaysia Sports & Fitness Directory, SME Business Directory, ishopinfo.com, Corporate Events Magazine dan Tourism Publication yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM124,728.50. PSM juga telah bekerjasama dengan beberapa buah akhbar tempatan dan stesen radio untuk mempromosikan aktiviti-aktiviti in-house anjuran Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Acara dengan kos sebanyak RM45,108.00.

- **Galeri:** Galeri merupakan salah satu cabang promosi yang dilakukan oleh PSM. Sebanyak RM19,600.00 telah di belanjakan bagi tujuan menyenggara panel-panel gambar galeri yang telah rosak.

**PECAHAN PERBELANJAAN PROMOSI TAHUN 2010**




## LAIN-LAIN AKTIVITI

- Penerbitan Video Korporat: Video korporat juga memainkan peranan dalam memberikan maklumat di samping mempromosikan KSN kepada umum. Pada tahun 2010, satu penerbitan baru video korporat telah dilakukan dengan kos sebanyak RM74,100.00.

- Penyediaan Cenderahati: Cawangan ini turut menyediakan cenderahati korporat berupa USB Memory Stick sebanyak 1500 unit yang merupakan salah satu komponen promosi. Cenderahati ini digunakan semasa program lawatan stadium dan untuk sesuatu program atau majlis rasmi jabatan. Kos keseluruhan penyediaan cenderahati adalah RM73,500.00.

- Pemasangan Tanda Nama Venue di KSN: Kerja-kerja pemasangan tanda nama venue di KSN telah dibuat pada tahun 2010 bagi menggantikan signboard di setiap venue yang telah rosak. Tanda nama yang dipasang dari jenis stainless steel ini melibatkan kos sebanyak RM78,335.00.

Cawangan

# Pengurusan Sumber Manusia

## MAKLUMAT PERJAWATAN

Bilangan keseluruhan kakitangan PSM pada tahun 2010 ialah 123 orang yang terdiri dari 78 orang bertaraf tetap dan 45 bertaraf sambilan. Maklumat perbandingan dua tahun sebelum adalah seperti jadual-jadual berikut.

- **PERBANDINGAN JUMLAH KAKITANGAN MENGIKUT TARAF LANTIKAN BAGI 2008 - 2010**

| Taraf Lantikan | 2008 | | 2009 | | 2010 | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Tetap | 73 | 77% | 77 | 62% | 78 | 63% |
| Sambilan | 22 | 23% | 47 | 38% | 45 | 37% |
| **Jumlah** | **95** | **-** | **124** | **-** | **123** | **-** |

- **PERBANDINGAN JUMLAH KAKITANGAN MENGIKUT KLASIFIKASI PERKHIDMATAN BAGI 2008 - 2010**

| Kumpulan Perkhidmatan | 2008 | | 2009 | | 2010 | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Pengurusan dan Profesional | 5 | 5% | 5 | 4% | 5 | 4% |
| Kumpulan Sokongan 1 | 60 | 63% | 77 | 62% | 74 | 62% |
| Kumpulan Sokongan 2 | 30 | 32% | 42 | 34% | 44 | 34% |
| **Jumlah** | **95** | **-** | **124** | **-** | **123** | **-** |

- **PERBANDINGAN JUMLAH KAKITANGAN MENGIKUT BAHAGIAN BAGI 2008 - 2010**

| Bahagian | 2008 | | 2009 | | 2010 | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Pejabat Pengurus Besar | 2 | 2% | 2 | 2% | 2 | 2% |
| Pengurusan dan Kewangan | 37 | 39% | 50 | 40% | 50 | 40% |
| Pemasaran dan Jualan | 11 | 12% | 10 | 8% | 11 | 9% |
| Pembangunan dan Pengurusan Acara | 28 | 29% | 41 | 33% | 38 | 31% |
| Kejuruteraan dan Penyelenggaraan | 17 | 18% | 21 | 17% | 22 | 18% |
| **Jumlah** | **95** | **-** | **124** | **-** | **123** | **-** |

## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2009 dan 2010

Penganugerahan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2009 dan 2010 dari pelbagai kumpulan perkhidmatan adalah seperti berikut:-

- **SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2009**

| Bil | Nama | Kumpulan Perkhidmatan | Bahagian |
|---|---|---|---|
| 1. | Encik Mohamad Sapuan Bin Mat | Pengurusan dan Profesional | Kejuruteraan dan Penyelenggaraan |
| 2. | Puan Haslinawati Binti Abu Hassan | Sokongan 1 | Pembangunan dan Pengurusan Acara |
| 3. | Puan Norhasnita Binti Abd Karim | Sokongan 1 | Pengurusan dan Kewangan |
| 4. | Puan Maizatul Jamilah Binti Mohamed | Sokongan 1 | Pengurusan dan Kewangan |
| 5. | Puan Hazlina Binti Abu Bakar | Sokongan 2 | Pengurusan dan Kewangan |
| 6. | Encik Mohd Zulkifli Bin Hassan | Sokongan 2 | Pembangunan dan Pengurusan Acara |

- **SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2010**

| Bil | Nama | Kumpulan Perkhidmatan | Bahagian |
|---|---|---|---|
| 1. | Puan Sharifah Sahana Fifdzie Binti Syed Ali Hassan | Sokongan 1 | Pengurusan dan Kewangan |
| 2. | Puan Norhaida Binti Halim | Sokongan 1 | Pengurusan dan Kewangan |
| 3. | Puan Norhazzam Binti Mohd Salleh | Sokongan 1 | Pemasaran dan Jualan |
| 4. | Encik Mohd Hafizu Bin Yaacob | Sokongan 1 | Kejuruteraan dan Penyelenggaraan |
| 5. | Encik Jaganathan a/l Sokkalingam | Sokongan 2 | Pembangunan dan Pengurusan Acara |
| 6. | Encik Mohd Sazali Bin Deraman | Sokongan 2 | Pembangunan dan Pengurusan Acara |

# Cawangan Pembangunan Sumber Manusia

Cawangan Pembangunan Sumber Manusia bertanggungjawab untuk menguruskan program latihan bagi meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan kompetensi pegawai dan kakitangan dalam usaha untuk memantapkan keupayaan kakitangan sekali gus meningkatkan prestasi kerja dari masa ke semasa. Selain itu, cawangan ini juga berusaha untuk memenuhi keperluan peperiksaan pegawai dan kakitangan yang layak untuk menduduki semua jenis peperiksaan sama ada untuk Pengesahan Jawatan, Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL). Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) yang merupakan komunikasi dua hala antara pihak pengurusan dengan kakitangan juga turut dikendalikan oleh cawangan ini.

## PEPERIKSAAN

Sepanjang tahun 2010, Cawangan ini telah menguruskan lima (5) jenis peperiksaan untuk pegawai dan kakitangan yang layak menduduki peperiksaan seperti berikut :-

- Peperiksaan Perkhidmatan untuk tujuan pengesahan dalam perkhidmatan bagi pegawai dan kakitangan lantikan baru dan belum disahkan dalam perkhidmatan;
- Peperiksaan Khas KPSL untuk memasuki Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 yang telah dihadiri oleh kakitangan Pembantu Tadbir Gred N17 dan Pembantu Tadbir Kewangan Gred W17;
- Peperiksaan Khas KPSL untuk memasuki Skim Perkhidmatan Pegawai Tadbir Gred N41 yang telah dihadiri oleh Penolong Pegawai Tadbir Gred N27;
- Peperiksaan PTK bagi semua pegawai dan kakitangan yang layak untuk menduduki peperiksaan ini; dan
- Penilaian Tahap Kecekapan bagi perkhidmatan yang mempunyai kemasukan Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau Sijil Rendah Pelajaran dan ke bawah.

Jadual menunjukkan jumlah pegawai dan kakitangan yang telah menduduki peperiksaan sepanjang tahun 2010:-

| Bil | Nama Peperiksaan | Gred | Calon Memohon | Calon Menduduki |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Peperiksaan Perkhidmatan Untuk Tujuan Pengesahan Dalam Perkhidmatan | N17<br>N27<br>N41 | 1<br>1<br>1 | 1<br>1<br>1 |
| 2. | Peperiksaan Khas Untuk Memasuki Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 (KPSL) | N17 | 7 | 7 |
| 3. | Peperiksaan Khas Untuk Memasuki Skim Perkhidmatan Pegawai Tadbir Gred N41 (KPSL) | N27 | 4 | 2 |
| 4. | PTK | N17<br>W17<br>W22<br>N27<br>F29<br>N48 | 6<br>3<br>1<br>13<br>1<br>1 | 6<br>3<br>1<br>12<br>1<br>1 |

## MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

MBJ merupakan satu saluran yang betul untuk pihak pekerja menyuarakan pendapat kepada pihak pengurusan. Komunikasi dua hala ini membolehkan pihak pekerja memberikan pandangan dan menyumbangkan idea-idea bernas ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan Jabatan.

- **Mesyuarat:** Sepanjang tahun 2010, pihak pengurusan PSM telah mengadakan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) sebanyak empat (4) siri mesyuarat bagi setiap suku tahun iaitu:-

| | | |
|---|---|---|
| Mesyuarat Bil. 1/2010 | : | 8 Mac 2010 |
| Mesyuarat Bil. 2/2010 | : | 19 Mei 2010 |
| Mesyuarat Bil. 3/2010 | : | 27 Oktober 2010 |
| Mesyuarat Bil. 4/2010 | : | 20 Disember 2010 |

- **Keahlian:** Terdapat seramai 20 orang ahli Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan yang terdiri daripada 9 orang wakil pihak pengurusan dan 11 orang wakil pekerja.

## KURSUS DAN LATIHAN

Cawangan ini telah berusaha untuk memastikan semua kakitangan dapat menghadiri kursus yang dianjurkan. Pada tahun 2010 sebanyak 84 program latihan termasuk perhimpunan mesra bulanan telah dianjurkan. Sehingga Disember 2010, 2 kategori analisis telah dibuat seperti berikut:-

- **STATISTIK KEHADIRAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN TETAP DALAM KURSUS DAN LATIHAN BAGI TAHUN 2010**

| Bil | Gred/ Kumpulan | Kakitangan Tetap | Kurang 7 hari | Lebih 7 hari | Tidak Hadir Berkursus |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Pengurusan & Profesional | 5 | 0 | 5 | 0 |
| 2. | Sokongan 1 | 45 | 0 | 45 | 0 |
| 3. | Sokongan 2 | 28 | 0 | 28 | 0 |
| | Jumlah | 78 | 0 | 78 | 0 |

Jadual dan carta berikut menjelaskan bagi kategori kakitangan tetap, seramai 78 orang kakitangan tetap atau 100 % telah hadir kursus dan latihan melebihi 7 hari setahun bagi tahun 2010 sepertimana yang telah digariskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6/2005 : Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam.

- **STATISTIK KEHADIRAN KESELURUHAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN DALAM KURSUS DAN LATIHAN BAGI TAHUN 2010**

| Bil | Gred/ Kumpulan | Bilangan Anggota | | Jumlah Kakitangan | Kurang 7 hari | Lebih 7 hari | Belum Hadir Kursus |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Tetap | Sambilan | | | | |
| 1. | Pengurusan dan Profesional | 5 | 0 | 5 | 0 | 5 | 0 |
| 2. | Sokongan 1 | 45 | 29 | 74 | 1 | 73 | 0 |
| 3. | Sokongan 2 | 28 | 16 | 44 | 7 | 37 | 0 |
| | **Jumlah** | **78** | **45** | **123** | **8** | **115** | **0** |




Manakala bagi keseluruhan kakitangan melibatkan kakitangan tetap dan sambilan, seramai 115 orang daripada 123 kakitangan keseluruhan atau 93% telah hadir latihan melebihi 7 hari setahun sepertimana yang telah digariskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6/2005 : Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam.

## SENARAI KURSUS, BENGKEL DAN SEMINAR

Kursus dan latihan yang dihadiri oleh kakitangan adalah anjuran PSM sendiri, agensi kerajaan dan agensi swasta. Berikut adalah senarai jadual kursus, bengkel dan seminar yang telah dihadiri sepanjang tahun 2010.

| Bil | Kursus, Bengkel, Seminar | Jumlah Peserta | Tarikh | Anjuran/Lokasi |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Percambahan Fikiran Penyediaan Bajet 2011 | 10 Peserta | 15.01 | PSM/ Pullman, Putrajaya |
| 2. | Kursus Menjahit Labuci | 5 Peserta | 15.01 | PUSPANITA/Galeri, Menara KBS, Putrajaya |
| 3. | Kursus Kawalan Dokumen Siri 1/2010 | 2 Peserta | 19 - 21.01 | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan/ Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya |
| 4. | Kursus Pengurusan Keselamatan Perlindungan Siri 1/2010 | 2 Peserta | 19 - 21.01 | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan/ Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya |

| Bil | Kursus, Bengkel, Seminar | Jumlah Peserta | Tarikh | Anjuran/Lokasi |
|---|---|---|---|---|
| 5. | Perhimpunan Bulanan PSM | 106 Peserta | 20.01 | PSM/ KSNBJ, KL |
| 6 | Percambahan Fikiran RMKe-10 KSN | 10 Peserta | 21 - 22.01 | PSM/ Bukit Jalil Golf And Country Resort, KL |
| 7. | Kursus Pengurusan Perniagaan | 3 Peserta | 25 - 29.01 | INTAN/ Intan Bukit Kiara, KL |
| 8. | Sesi Latihan Permohonan Projek RMKe-10 Melalui Sistem Pemantauan Projek II | 2 Peserta | 25.01 | KBS/ ICU, Jabatan Perdana Menteri |
| 9. | Bengkel Penyediaan Cadangan Projek Program RMKe-10 | 5 Peserta | 27 - 30.01 | KBS/ Corus Paradise Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan |
| 10. | Red Hat Enterprise Linux Training | 2 Peserta | 2 – 3.02 | BSD Technologies Sdn Bhd/ UNITEN, Bangi |
| 11. | Kursus Amalan Terbaik Belanjawan Mengurus | 1 Peserta | 2 - 5.02 | INTAN/ Intan Bukit Kiara, KL |
| 12. | Bengkel Pemantapan Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) | 2 Peserta | 7 - 10.02 | KBS/ Akademi Pembangunan Belia Negara, Batu Gajah Perak |
| 13. | Perhimpunan Bulanan PSM | 87 Peserta | 10.02 | PSM / KSNBJ, KL |
| 14. | Seminar Menangani Keganasan Terhadap Wanita | 4 Peserta | 11.02 | PUSPANITA/Aras 4, Menara KBS, Putrajaya |
| 15. | Seminar Penerbitan Video Korporat | 1 Peserta | 18.02 | Infra Minda Sdn Bhd/ Panggung Satu, Filem Negara, Malaysia |
| 16. | Sesi Pengisian Data Cadangan Projek RMKe-10 Ke Dalam Sistem e-Permohonan | 5 Peserta | 19 & 21.02 | KBS / Aras 8, Menara KBS, Putrajaya |
| 17. | Kursus Pengurusan  Kewangan | 1 Peserta | 22 - 25.02 | INTAN/ Intan Bukit Kiara, KL |
| 18. | Kursus Peningkatan Kaunseling Tahap 1 | 2 Peserta | 22 - 25.02 | KBS/ Suria Cherating Beach Resort, Cherating, Pahang |
| 19. | Bengkel Pembentangan Draf Tender Kebersihan dan Landskap | 2 Peserta | 25.02 | PSM/ Hotel Palace of The Golden Horses |
| 20. | Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan | 1 Peserta | 2 - 4.03 | INTAN/ Intan Bukit Kiara, KL |
| 21. | Bengkel Pengesahan Strategi Peluang dan Tadbir Urus ICT Bagi Pembangunan Pelan Strategik ICT (ISP) KBS | 6 Peserta | 4 - 6.03 | KBS/ Hotel A' Famosa, Melaka |
| 22. | Kursus Pengurusan Keselamatan Perlindungan Siri 2/2010 | 1 Peserta | 9 - 11.03 | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan/ Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya |
| 23. | Bengkel Pembentangan Draf ISO 9001 : 2008 | 26 Peserta | 10 – 12.03 | PSM/ Bukit Jalil Golf And Country Resort |

| Bil | Kursus, Bengkel, Seminar | Jumlah Peserta | Tarikh | Anjuran/Lokasi |
|---|---|---|---|---|
| 24. | Bengkel Pemantauan Pelan Strategik Kementerian Belia dan Sukan (2010 – 2011) | 2 Peserta | 10 - 11.03 | KBS/ Allson Klana Hotel, Putera Nilai, Negeri Sembilan |
| 25. | Sesi Pembelajaran Dan Penyediaan Penilaian Tahap Kecekapan | 3 Peserta | 11.03 | JPA/ Auditorium Aras 4, Blok C1, Kompleks C, Putrajaya |
| 26. | Perhimpunan Bulanan PSM | 88 Peserta | 16.03 | PSM / KSNBJ, KL |
| 27. | Kursus Pemikiran Strategik | 1 Peserta | 23 - 25.03 | INTAN/ Intan Bukit Kiara, KL |
| 28. | Kursus Sistem PLC (Programme Logic Control) | 7 Peserta | 25.03 | MCB Power Stream/ Stadium Nasional, Bukit Jalil |
| 29. | Bengkel Semakan Sukatan Pusat Penilaian Kompetensi (PPK), Peperiksaan Subjek Jabatan (SJ) dan Peperiksaan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) | 2 Peserta | 27.03 | KBS/ Dewan Podium B, Menara KBS, Putrajaya |
| 30. | Exclusive Motorsports Forum | 6 Peserta | 5.04 | JBSN /Hotel Palace of The Golden Horses |
| 31. | Kursus Pendaftar Rahsia Siri 2/2010 | 1 Peserta | 13 - 15.04 | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan/ Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya |
| 32. | Perhimpunan Bulanan PSM | 92 Peserta | 15.04 | PSM / KSNBJ, KL |
| 33. | Latihan Modul Pentadbir Portal Rasmi KBS | 1 Peserta | 16.04 | KBS/ Aras 14, Menara KBS, Putrajaya |
| 34. | Photography For Aspiring Pros | 1 Peserta | 17 - 18 & 24 - 25.04 | NSTP/ Pusat Latihan NSTP, 31, Jalan Riong, Bangsar |
| 35. | Bengkel Mendokumentasikan ISO 9001:2008 KSN | 23 Peserta | 23 -25.04 | PSM /Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu, Sabah |
| 36. | Bengkel Latihan Pengendalian Sistem E-Perunding | 2 Peserta | 27.04 | KBS/ Bilik Makmal, Aras 8, Blok Selatan, Kementerian Kewangan |
| 37. | Seminar Pengukuran Prestasi Dan Pelan Strategik KBS 2010 - 2015 | 7 Peserta | 27.04 | KBS/ Dewan Podium B, Menara KBS, Putrajaya |
| 38. | Kursus Asas Pengurusan Acara | 2 Peserta | 3 -4.05 | UKM/ Bilik Latihan, Kolej Keris Mas, UKM |
| 39. | Kursus Penulisan Surat dan Memo Berkualiti | 30 Peserta | 6 - 7.05 | PSM/ Bukit Jalil Golf And Country Resort |
| 40. | Kursus Induksi Umum | 5 Peserta | 6 - 13.05 | KBS/ Hotel Impian Morib, Banting, Selangor |
| 41. | National Key Economic Activities (NKEA) | 1 Peserta | 12.05 | Unit Pengurusan Prestasi Dan Pelaksanaan/ Akademik Penerbangan Malaysia (MAS) Petaling Jaya |

| Bil | Kursus, Bengkel, Seminar | Jumlah Peserta | Tarikh | Anjuran/Lokasi |
|---|---|---|---|---|
| 42. | Kursus Biro Tatanegara | 4 Peserta | 13 - 17.05 | KBS / KBN Kuarters KLIA |
| 43. | Perhimpunan Bulanan PSM | 93 Peserta | 18 - 20.05 | PSM / KSNBJ, KL |
| 44. | Kursus Pengurusan Keselamatan Maklumat Siri 3/2010 | 1 Peserta | 18 - 20.05 | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan/ Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya |
| 45. | Seminar Transformasi Organisasi | 1 Peserta | 20.05 | Persatuan Badan Berkanun/ Mercure Johor Palm Resort and Golf, Senai, Johor Bahru |
| 46. | Kursus Intensif Penulisan Surat dan Memo Berkualiti | 26 Peserta | 27.05 | PSM/ Bukit Jalil Golf And Country Resort |
| 47. | Program Hari Terbuka Makmal Rasionalisasi Subsidi | 3 Peserta | 27.05 | Unit Pengurusan Prestasi Dan Pelaksanaan/ Kuala Lumpur Convention Centre |
| 48. | Bengkel Keselamatan Fizikal Siri 1/2010 | 1 Peserta | 1 - 3.06 | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan/ Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya |
| 49. | Kursus Induksi Umum Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Sokongan 1 Bil. 2/2010 | 2 Peserta | 14 - 24.06 | KBS/ Akademi Pembangunan Belia Negara, Batu Gajah, Perak |
| 50. | Perhimpunan Bulanan PSM | 93 Peserta | 21.06 | PSM / KSNBJ, KL |
| 51. | Kursus Penilaian Tender Bagi Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja Di PSM | 15 Peserta | 23.06 | PSM /Hotel Palace of The Golden Horses |
| 52. | Kursus Biro Tatanegara | 1 Peserta | 24 - 28.06 | KBS/ Akademi Pembangunan Belia Negara, Batu Gajah, Perak |
| 53. | Program Kesedaran Pelaksanaan Penilaian Tahap Keselamatan Rangkaian dan Sistem ICT (SPA) Sektor Awam Siri 2 Tahun 2010 | 2 Peserta | 25.06 | MAMPU / Auditorium JPM, Parcel B, Kompleks JPM, Putrajaya |
| 54. | Kursus Induksi Khusus Bil. 3/2010 | 2 Peserta | 4 - 8.07 | KBS/ Akademi Pembangunan Belia Negara, Batu Gajah, Perak |
| 55. | Kursus Peningkatan Kemahiran Kaunseling Tahap 2 | 2 Peserta | 5 - 8.07 | KBS/ Hotel Sunway, Georgetown, Pulau Pinang |
| 56. | Perhimpunan Bulanan PSM | 87 Peserta | 13.07 | PSM / Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, KL |
| 57. | Kursus Audit Dalaman MS ISO 9001:2008 | 2 Peserta | 13 - 14.07 | SIRIM Berhad/ The Puteri Pacific, Johor Bahru |

| Bil | Kursus, Bengkel, Seminar | Jumlah Peserta | Tarikh | Anjuran/Lokasi |
|---|---|---|---|---|
| 58. | Kursus Induksi Umum Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Sokongan 1 Bil. 3/2010 | 1 Peserta | 19 - 29.07 | KBS/ Akademi Pembangunan Belia Negara, Batu Gajah, Perak |
| 59. | Bengkel Pemantapan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) Bil. 2/2010 (Sesi II) | 3 Peserta | 21 - 22.07 | KBS/ Institut Kemahiran Belia Negara Wakaf Tapai, Kuala Terengganu |
| 60. | Bengkel Arahan Kewangan dan Kawalan Kredit KSN | 15 Peserta | 22 - 25.07 | PSM/ Hotel Renaissance, Kota Bharu, Kelantan |
| 61. | Sesi Latihan Modul Penilaian Outcome dan Memasukkan Maklumat Program / Projek Dalam SPP II | 2 Peserta | 27.07 | KBS/ Bilik Latihan Aras 2, JPM, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra |
| 62. | Kursus Biro Tatanegara | 1 Peserta | 29.07 - 2.08 | KBS/ Akademi Pembangunan Belia Negara, Batu Gajah, Perak |
| 63. | Bengkel Analisa Keperluan Latihan | 1 Peserta | 3 - 5.08 | INTAN/ Intan Bukit Kiara, KL |
| 64. | Bengkel Arahan Kewangan dan Kawalan Kredit KSN | 15 Peserta | 9.08 | PSM/ Hotel Palace of The Golden Horses |
| 65. | Perhimpunan Bulanan PSM | 106 Peserta | 10.08 | PSM/ KSNBJ, KL |
| 66. | Kursus Pemahaman Perisian Sistem Pengurusan Dokumen ISO 9001:2008 | 16 Peserta | 19.08 | PSM/ Bilik Olimpik, Stadium Nasional |
| 67. | Sports Industry Lab And Sports Industry Onboarding Session | 1 Peserta | 22.09 – 29.10 | KBS/ Casa 1, Majlis Sukan Negara |
| 68. | Perhimpunan Bulanan PSM | 102 Peserta | 30.09 | PSM/ KSNBJ, KL |
| 69. | Bengkel Penyediaan Bajet KSN 2011 | 14 Peserta | 7 - 9.10 | PSM/ Hotel Riverside Majestic, Kuching, Sarawak |
| 70. | Kursus Prosedur / Tatacara Kewangan Bil. 4/2010 | 1 Peserta | 11 - 14.10 | INTAN/ Intan Wilayah Tengah, KL |
| 71. | Bengkel Pemurnian dan Penyelarasan KPI Bahagian / Agensi KBS | 4 peserta | 13.10 | KBS/ Dewan Serbaguna, Podium B, Menara KBS, Putrajaya |
| 72. | Taklimat Timeline SAGA | 20 Peserta | 18.10 | Prominent Multimedia Sdn Bhd / Bilik Mesyuarat Komanwel, Stadium Nasional, Bukit Jalil |
| 73. | Kursus Pengurusan Stor Bil. 3/2010 | 1 Peserta | 25 - 28.10 | INTAN/ Intan Wilayah Tengah, KL |
| 74. | Perhimpunan Bulanan PSM | 104 Peserta | 25.10 | PSM/ KSNBJ, KL |
| 75. | Seminar Technology Update Siri 8/2010 “ICT Implementation Towards Government effectiveness” | 2 Peserta | 26.10 | INTAN/ Intan Bukit Kiara, KL |

| Bil | Kursus, Bengkel, Seminar | Jumlah Peserta | Tarikh | Anjuran/Lokasi |
|---|---|---|---|---|
| 76. | Persidangan Pengurus Sumber Manusia Anjuran Bersama Jabatan Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan | 2 Peserta | 28.10 | PSM/ KSNBJ, KL |
| 77. | Bengkel Pelan Perancangan Pembangunan Acara dan promosi KSN | 15 Peserta | 7 - 10.11 | PSM/ Hotel Bayview, Langkawi, Kedah |
| 78. | Perhimpunan Bulanan PSM | 106 Peserta | 15.11 | PSM/ KSNBJ, KL |
| 79. | Turn Professional In 3 Hour Photography Workshop | 2 Peserta | 18.11 | APIIC Photography Academy/ APIIC Academy, Petaling Jaya, Selangor |
| 80. | Seminar Technology Update Siri 9/2010 "Enhancing Public Service Through Policy Automation" | 2 Peserta | 25.11 | INTAN/ Intan Bukit Kiara, KL |
| 81. | Kursus Change Management SAGA | 19 Peserta | 30.11 | Prominent Multimedia Sdn Bhd /Bukit Jalil Golf And Country Resort |
| 82. | Bengkel Arahan Kewangan (Sambungan Bacaan Draf Pertama) | 13 Peserta | 8.12 | PSM/ Hotel Palace of The Golden Horses |
| 83. | Perhimpunan Bulanan PSM | 104 Peserta | 16.12 | PSM/ KSNBJ, KL |
| 84. | Kursus Motivasi | 6 Peserta | 27 – 30.12 | PSM/ Bilik Olimpik, Stadium Nasional |

# Cawangan Pengurusan Maklumat

Cawangan yang dahulunya dikenali sebagai cawangan Teknologi Maklumat telah ditubuhkan pada 1 Ogos 2002 bagi memastikan KSN tidak ketinggalan dalam pembangunan ICT. Bagi memantapkan lagi keberkesanan fungsi ICT di PSM, Cawangan ini telah ditukarkan nama kepada Cawangan Pengurusan Maklumat.

**PENCAPAIAN TAHUN 2009**

- Telah mewujudkan terminal server yang boleh diguna pakai oleh semua kakitangan PSM di mana pihak pengurusan PSM tidak akan lagi dibebani dengan pembaharuan lesen untuk sesuatu perisian dan pengurusan komputer menjadi lebih teratur.

- Telah berjaya membuat Perancangan Strategik (ISP) untuk Cawangan ini bekerjasama dengan pihak kementerian untuk tempoh 5 tahun bermula 2010-2015.

- Telah berjaya menaik taraf infrastruktur Sistem Rangkaian Setempat (LAN) daripada IPV4 ke IPV6 bagi memenuhi keperluan semasa seiring dengan saranan kerajaan elektronik.

- Memberi khidmat nasihat serta membudayakan persekitaran ICT yang mana penggunaan terhadap email telah meningkat manakala aduan kerosakan peralatan telah berkurangan.

- Telah membuat penambahbaikan terhadap server KSN sedia ada, supaya ianya sentiasa relevan untuk kegunaan kerja harian. Semua server tersebut telah dinaiktaraf dari segi ruang cakera keras dan kelajuan RAM.

**PERANCANGAN MASA HADAPAN**

Terdapat beberapa perancangan Cawangan Pengurusan Maklumat untuk meningkatkan lagi tahap ICT di KSN iaitu:-

- Mewujudkan Akta Keselamatan ICT di PSM: Dengan adanya akta tersebut semua kakitangan PSM akan diterangkan mengenai keselamatan data dan peralatan yang melibatkan penggunaan teknologi ICT.

- Menaik taraf talian Internet: Menaik taraf capaian Internet sedia ada kepada yang lebih efisien bagi melancarkan kerja harian kakitangan untuk seiring dengan peredaran masa kini.

- Menaik taraf sistem tempahan venue: Menaik taraf sistem tempahan venue sedia ada kepada yang lebih praktikal dan mesra pengguna untuk menyahut seruan kerajaan dalam melaksanakan gerbang ICT.

- Mewujudkan mail dan web server: Dengan mewujudkan kedua-dua server tersebut dan ditempatkan di pusat data KSN membolehkan penyelenggaraan dilakukan dengan lebih berkesan dan sistematik serta dapat menjamin kerahsiaan jabatan.

# Cawangan Keselamatan

Mulai 1 April 2010, Cawangan Keselamatan telah dipindahkan ke Bahagian Pengurusan dan Kewangan. Cawangan ini telah dipertanggungjawabkan untuk memantau keselamatan venue dan menjaga aset-aset di empat (4) buah kompleks iaitu:-

- Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil (KSNBJ)
- Kompleks Sukan Negara Bukit Kiara (KSNBK)
- Kompleks Sukan Negara Panasonic (KSNP)
- Kompleks Sukan Negara Jalan Duta (KSNJD)

**KONTRAKTOR KESELAMATAN**

Sepanjang tahun 2010, sebanyak tiga (3) buah syarikat kontraktor keselamatan yang telah dilantik untuk mengurus dan memantau keselamatan di semua venue di bawah pengendalian PSM. Bagi memastikan kawalan keselamatan venue di semua venue ini berkesan, cawangan ini sentiasa membuat pemantauan, menilai mutu kerja dan perkhidmatan yang dilaksanakan agar menepati skop kerja yang telah dipersetujui. Kos untuk kawalan keselamatan kepada tiga (3) buah syarikat yang terbabit di sepanjang tahun 2010 adalah sebanyak RM 1,902,003.84.

**PENYEWAAN WIRELESS SURVEILLANCE CAMERA (CCTV)**

Penyewaan 10 unit CCTV dengan kos penyewaan berjumlah RM 16,000.00 sebulan adalah meliputi beberapa lokasi kawasan luar di KSNBJ dan KSNBK. Tujuan utama penyewaan ini adalah untuk mengurangkan masalah jenayah dan vandalisme yang boleh berlaku di sekitar kawasan KSNBJ dan KSNBK. Ia adalah sebagai salah satu alternatif kepada kawalan keselamatan di KSNBJ dan KSNBK memandangkan pelbagai acara berlangsung yang dihadiri oleh pelbagai lapisan masyarakat.

**KAWALAN PENJAJA HARAM**

Cawangan Keselamatan juga dipertanggungjawabkan dalam mengawal aktiviti-aktiviti penjaja di semua venue yang secara tidak langsung dipertanggungjawabkan kepada syarikat kawalan keselamatan yang dilantik. Dalam aspek ini, Cawangan Keselamatan akan bekerjasama dengan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Cawangan Bandar Tun Razak. Tindakan yang tegas terpaksa diambil kepada penjaja yang gagal untuk mematuhi arahan PSM dan pihak DBKL demi kelancaran sesuatu acara.

**KAWALAN TRAFIK DAN LALU LINTAS SEMASA ACARA**

Pelbagai acara anjuran pihak Kerajaan, Swasta dan NGO telah berlangsung sepanjang tahun 2010. Tumpuan orang ramai terhadap sesuatu acara menyebabkan aliran trafik dan lalu lintas di sekitar KSNBJ, KSNBK, KSNP dan KSNJD menjadi sesak. Oleh yang demikian, pihak PSM telah bekerjasama dengan pihak Polis Trafik Kuala Lumpur untuk mengawal aliran kenderaan keluar masuk semasa acara berlangsung terutamanya di KSNBJ supaya teratur dan lancar.

**KERJASAMA DENGAN AGENSI KESELAMATAN**

Cawangan Keselamatan PSM telah menjalinkan kerjasama erat dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pasukan Bomba dan Penyelamat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan lain-lain agensi keselamatan. Semua kerjasama ini bertujuan untuk memastikan tiada masalah keselamatan yang berlaku terhadap aset PSM, penganjur dan penonton seperti kerosakan harta benda, pergaduhan dan rusuhan di sepanjang acara berlangsung serta dapat mengatasi dan mengawal dengan baik daripada berlakunya kejadian yang tidak dingini.

**CABARAN TUGASAN DAN MASALAH JENAYAH**

KSN terdedah dengan aktiviti jenayah dan vandalisme sepanjang tahun 2010. Beberapa kes kecurian dan pencerobohan venue telah berlaku di mana ia memberi masalah terhadap tugasan kawalan venue. Aktiviti jenayah ini dilakukan oleh pihak luar dan kebanyakannya disyaki dilakukan oleh individu yang menagih dadah.

Kegiatan jenayah vandalisme yang berlaku kebanyakannya adalah ketika berlangsungnya acara. Perkara ini kebanyakannya dilakukan oleh pengunjung yang datang untuk sesuatu acara terutamanya acara yang besar. Antara kejadian vandalisme yang mendatangkan masalah besar kepada PSM adalah semasa berlangsungnya Perlawanan Akhir Piala Malaysia di antara Negeri Sembilan dan Kelantan serta konsert artis dari Indonesia. Acara-acara ini menyebabkan banyak pagar-pagar venue dirobohkan, pintu-pintu bilik dipecahkan dan beberapa kerosakan kecil yang berlaku di sekitar KSNBJ.

# Cawangan Kompleks Sukan Negara Panasonic

November 2010 genap dua tahun Kompleks Sukan Negara Panasonic (KSNP) ditadbir dan diuruskan oleh PSM. Cawangan KSNP ditubuhkan untuk mentadbir dan menguruskan KSNP dengan perjawatan seramai 7 orang kakitangan yang diketuai oleh seorang Penolong Pengurus Cawangan. Cawangan ini bertanggungjawab untuk menguruskan sepenuhnya KSNP.

**ACARA YANG BERLANGSUNG**

Dengan mempunyai keluasan 61,937 meter persegi, pelbagai acara telah berlangsung di KSNP ini. Antara acara yang berlangsung adalah seperti berikut :

- **3 KATEGORI ACARA YANG KERAP DIANJURKAN**

  **Majlis Perkahwinan / Majlis Makan Malam Perkahwinan:** Sepanjang tahun 2010, sebanyak 24 acara Majlis Perkahwinan dan Majlis Makan Malam Perkahwinan yang telah berlangsung di dewan arena KSNP. 24 acara yang berlangsung yang terdiri dari 23 acara perkahwinan kaum India dan 1 acara dari kaum Melayu. Pada tahun 2011, pengurusan KSNP menyasarkan lebih sambutan dari pelbagai kaum.

  **Karnival Sukan:** Terdapat sebanyak 25 acara Karnival Sukan yang telah berlangsung sepanjang tahun 2010. Kebanyakan penganjur acara ini adalah daripada pihak swasta yang telah menggunakan keseluruhan kawasan stadium bagi acara seperti Sukaneka, Bola Sepak, Sepak Takraw, Bola Jaring di mana acara tersebut dilakukan di kawasan luar. Manakala acara Futsal, Badminton, Ping-pong, Bola Tampar dan Bola Keranjang adalah di kawasan tertutup.

  **Sukan Sekolah:** Pada tahun 2010, KSNP telah mendapat sambutan yang memberangsangkan untuk penganjuran acara sukan sekolah. Sebanyak 48 acara sukan sekolah telah berlangsung dan sambutan ini bukan sahaja dari kawasan Shah Alam sahaja, malahan sekolah dari luar daerah Shah Alam juga telah mengadakan sukan sekolah di KSNP.

- **ACARA TAHUNAN**

  **Bon Odori:** Bon Odori adalah acara tahunan yang dipelopori oleh Kelab Jepun Kuala Lumpur pada setiap bulan Julai. Acara yang disertai oleh seramai 40,000 orang ini adalah anjuran bersama Kementerian Pelancongan Selangor. Festival ini adalah bagi mendedahkan budaya masyarakat Jepun dari segi pakaian tradisional dan persembahan tarian tradisional yang dipersembahkan pada acara Bon Odori ini. Terdapat juga pelbagai jualan makanan Jepun diperkenalkan pada hari tersebut.

  **Karnival Sukan Panasonic:** Karnival Sukan Panasonic pada tahun 2010 telah dianjurkan oleh syarikat PEDMA (Panasonic Electronic Devices Malaysia Sdn Bhd). Acara yang melibatkan keseluruhan para pekerja Panasonic ini telah berlangsung pada 6 hingga 7 Ogos 2010. Terdapat pelbagai acara sukan yang diadakan seperti bola sepak, bola jaring, badminton, ping-pong, bola tampar dan sepak takraw. Di samping itu, pelbagai produk Panasonic di pamerkan pada hari tersebut bagi tujuan jualan dengan harga promosi.

- **ACARA-ACARA LAIN**

  **Karnival Liga Futsal FAM / FELDA:** Acara yang berlangsung pada 26 – 28 November 2010 ini adalah anjuran daripada Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Acara yang berlangsung selama 3 hari ini melibatkan penyertaan beberapa pasukan seperti pasukan PDRM, FELDA, FIGOS dan lain-lain lagi.

  **Penggambaran:** Terdapat juga aktiviti penggambaran yang dilakukan di KSNP iaitu di kawasan kolam renang. Syarikat Studio DL Sdn Bhd telah memohon membuat penggambaran pada 12 Mac 2010 bagi iklan komersial di salah sebuah majalah terkemuka. Manakala pihak Dolphin Sport Adventure telah melakukan penggambaran TV3 AM.MAX pada 10 Januari 2010 sebagai tujuan mempromosi KSNP.

  **Kejohanan Tarian Ballroom:** Kejohanan Tarian Ballroom ini telah diadakan pada 9 Mei 2010 di kawasan tertutup KSNP. Kejohanan ini di serta oleh pelbagai negara seperti Malaysia, Thailand, Indonesia dan lain-lain lagi. Acara ini merupakan yang julung kali dianjurkan di KSNP.

  **'Malaysia World Band Competition 2010':** Pertandingan Pancaragam ini telah dianjurkan oleh ZI Production Sdn Bhd pada 25 Julai 2010. Pertandingan ini juga julung kali diadakan di KSNP. Acara yang berlangsung di kawasan terbuka KSNP ini telah melibatkan seramai 1,500 orang yang hadir memeriahkan suasana.

## PEMBAHARUAN

- Tahun 2010 telah menyaksikan pelbagai acara yang telah berlangsung di KSNP. Dengan pelbagai kemudahan yang sedia ada, akan lebih banyak lagi acara yang mampu dilakukan di KSNP ini pada tahun-tahun akan datang.

- Dengan pembinaan tambahan 2 gelanggang futsal di kawasan terbuka yang bermula pada 1 Disember 2010, dengan keluasan 20 meter x 40 meter itu yang bakal dibuka kelak diharap agar mendapat sambutan dari orang awam untuk melakukan aktiviti rekreasi di KSNP.

- Tambahan pula, bilik bagi rekreasi gym di KSNP akan diperbaharui dengan kemasukan peralatan-peralatan baru. Dengan adanya kemudahan gym yang telah diperbaharui, pengurusan di sini berharap agar lebih ramai orang awam yang akan berkunjung ke KSNP untuk menjalankan aktiviti sukan.

## PRESTASI 2010

- **PRESTASI HASIL PENDAPATAN**

  Sepanjang tahun 2010, secara keseluruhannya pendapatan di KSNP berjumlah RM433,987.00. Acara-acara yang dianjurkan di KSNP boleh dipecahkan kepada tiga (3) kategori utama iaitu acara bukan sukan, acara sukan dan juga latihan-latihan sukan.

  Carta menjelaskan bahawa latihan sukan menyumbang jumlah pendapatan sewaan tertinggi iaitu RM206,233.00 berbanding acara bukan sukan dan sukan yang masing-masing hanya mencatatkan RM60,270.00 dan RM167,484.00.



- **ANALISIS PECAHAN KATEGORI PENGGUNAAN ACARA**

Carta menjelaskan bahawa sepanjang tahun 2010, KSNP telah menganjurkan sebanyak 2,628 acara latihan sukan, 152 acara sukan dan 53 acara bukan sukan. Jumlah acara yang berlangsung sepanjang tahun 2010 adalah sebanyak 2,833 acara.




- **PENCAPAIAN PROGRAM REKREASI**

Sehingga Disember 2010, program rekreasi telah menjana pendapatan keseluruhan berjumlah RM 74,254.50 dengan 28,383 orang pengunjung. Program Rekreasi Renang mencatatkan jumlah pengunjung tertinggi iaitu 24,307 orang dengan memperoleh pendapatan berjumlah RM 48,200.50 berbanding 69 orang bagi Program Rekreasi Sepak Takraw yang menyumbang sebanyak RM 718.00.

Jadual menunjukkan pencapaian program rekreasi di KSNP sepanjang tahun 2010. Maklumat terperinci semua program rekreasi yang berlangsung di KSNP adalah sepertimana yang dilaporkan di Laporan Cawangan Pembangunan Acara.

| Bil | Program | Jumlah Pengunjung | Jumlah Pendapatan (RM) | Jumlah Hari |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Program Rekreasi Renang | 24,307 | 48,200.50 | 297 |
| 2 | Program Rekreasi Gim & Trek | 3,376 | 6,758.00 | 300 |
| 3 | Program Rekreasi Ping Pong | 210 | 1,960.00 | 95 |
| 4 | Program Rekreasi Sepak Takraw | 69 | 718.00 | 45 |
| 5 | Program Rekreasi Tenis | 344 | 3,796.00 | 173 |
| 6 | Program Rekreasi Badminton | 1,077 | 12,828.00 | 185 |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **29,383** | **74,254.50** | **1,095** |

Cawangan
# Kompleks Sukan Negara Jalan Duta

1 Mac 2010 genap setahun Kompleks Sukan Negara Jalan Duta (KSNJD) ditadbir dan diurus oleh PSM. Cawangan ini ditubuhkan untuk mentadbir dan menguruskan sebuah kompleks sukan yang terletak di tengah kesibukan kota Kuala Lumpur, berhampiran bangunan Kompleks Kerajaan Jalan Duta, Masjid Wilayah Persekutuan, MATRADE dan Hentian Duta.

KSNJD mempunyai seramai 12 orang kakitangan yang terdiri daripada seorang Penolong Pengurus, dua orang kerani, dua orang penyelia dan tujuh orang pekerja rendah am untuk tiga buah arena sukan iaitu:

- Kompleks Tenis Jalan Duta
- Stadium Hoki Tun Razak
- Pusat Skuasy Negara

**ACARA YANG BERLANGSUNG**

Sepanjang tahun 2010 pelbagai acara telah berlangsung di KSNJD. Antara acara-acara yang berlangsung ialah:-

- **ACARA YANG KERAP DIANJURKAN**

  **Piala TNB-MHL:** Acara anjuran Persatuan Hoki Malaysia, kerap kali menghiasi acara tahunan di Stadium Hoki Tun Razak. Acara ini bermula pada akhir tahun dan akan berakhir pada bulan Mac. Stadium Hoki Tun Razak menjadi pilihan Persatuan kerana kawasannya yang strategik dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh Persatuan.

  **Pertandingan Hoki Peringkat Sekolah:** Acara hoki lebih sinonim dengan pelajar sekolah di Malaysia. Oleh yang demikian, Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan menjadikan Stadium Hoki sebagai pilihan untuk mengadakan pertandingan hoki dari peringkat zon daerah sehingga peringkat kebangsaan. Acara ini akan berlangsung dari bulan Februari hingga November pada setiap tahun.

  **Sportexcel Tenis:** Kompleks Tenis turut menganjurkan sukan yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah di bawah umur 13 tahun. Acara ini berlangsung 7 kali setahun yang bertujuan mencungkil bakat pelajar untuk diserap ke tahap yang lebih tinggi.

  **Davis Cup:** Acara ini adalah acara yang dinantikan oleh semua peminat sukan tenis. Acara anjuran Persatuan Tenis Malaysia ini sering menghiasi kalendar tahunan di Komplek Tenis Jalan Duta. Sekurang-kurangnya 2 kali acara ini akan diadakan di Kompleks Tenis dengan membawa permain-permain bertaraf dunia.

  **CIMB National Circuit:** Acara skuasy juga tidak kurang hebatnya. Sering menjadi pilihan Persatuan mahupun syarikat korporat untuk mengadakan acara bertaraf negara di Pusat Skuasy Jalan Duta. Acara ini akan diadakan sebanyak 3 kali setahun untuk mencungkil bakat anak-anak muda sehingga dewasa yang berminat dalam sukan skuasy.

- **ACARA – ACARA LAIN**

  **Karnival Ayam A1:** Selain acara anjuran Persatuan, Kompleks Tenis juga menjadi tumpuan syarikat korporat untuk mengadakan karnival yang menarik minat orang awam untuk turut serta. Peserta pelbagai peringkat umur telah menjadikan karnival ini sebagai tempat untuk menunjukkan bakat bermain tenis dan hadiah yang ditawarkan amat lumayan.

  **Fuzzy Balls:** Acara anjuran syarikat persendirian ini dianjurkan untuk menjadikan sukan tenis sebagai sukan pilihan di kalangan rakan-rakan mereka dan mendapat sambutan dari orang ramai. Justeru dengan sambutan yang menggalakkan acara ini menjadi acara wajib di KSNJD setiap tahun.

**PRESTASI 2010**

- **PRESTASI HASIL PENDAPATAN DAN JUMLAH ACARA SEHINGGA DISEMBER 2010**

  Sepanjang tahun 2010, secara keseluruhannya pendapatan di KSNJD berjumlah RM357,780.00. Acara-acara yang dianjurkan di KSNJD boleh dipecahkan kepada tiga (3) kategori utama iaitu acara bukan sukan, acara sukan dan juga latihan-latihan sukan.

Carta menjelaskan bahawa latihan sukan menyumbang jumlah pendapatan sewaan tertinggi iaitu RM211,891.00 berbanding acara bukan sukan dan sukan yang masing-masing hanya mencatatkan RM115,752.00 dan RM30,137.00. Manakala pecahan prestasi mengikut kategori acara mencatatkan sebanyak 299 acara bukan sukan, 78 acara sukan dan 1,148 acara latihan sukan. Jumlah acara yang berlangsung sepanjang tahun 2010 adalah sebanyak 1,525 acara.







# Cawangan Kewangan

## PRESTASI KEWANGAN SEHINGGA DISEMBER 2010

Cawangan Kewangan mempraktikkan perbelanjaan berhemah dan sentiasa membuat kawalan terhadap aliran wang dari masa ke semasa. Sepanjang tahun 2010, secara keseluruhannya pendapatan Cawangan Kewangan membantu pengurusan PSM menguruskan pembayaran perbelanjaan, mengurus akaun PSM, merancang perbelanjaan mengurus secara cekap dan teratur, malahan memberi khidmat sokongan kewangan kepada semua bahagian di PSM supaya aktiviti serta program PSM dapat dijalankan dengan sistematik.

## LAPORAN KE ATAS BANTUAN KERAJAAN

- **GERAN PERUNTUKKAN PENYELENGGARAAN STADIUM**

  Geran Peruntukkan Penyelenggaraan Stadium sebanyak RM 30,000,000.00 pada tahun 2010. Peruntukkan tersebut telah dibelanjakan sebanyak RM 25,992,462. Peruntukkan ini digunakan bagi bayaran kepada kontraktor-kontraktor yang dilantik bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sebanyak RM 15,300,433. Selain itu, PSM membelanjakan peruntukkan ini bagi pembayaran kos utiliti dan kemudahan perhubungan sebanyak RM 7,049,424, kerja-kerja membaiki dan mengubahsuai stadium sebanyak RM 3.642,605. Terdapat lebihan peruntukan sebanyak RM 4,007,538 dan lebihan ini merupakan langkah berjimat cermat yang telah diambil oleh Perbadanan dan lebihan ini akan digunakan bagi membaiki kerosakan besar dan kritikal yang telah dikenal pasti.

- **GERAN PEMBANGUNAN**

  PSM telah diperuntukkan sebanyak RM 20 juta bagi Geran Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-9. Pada tahun 2010 PSM telah menerima peruntukan tambahan sebanyak RM 30 juta bagi membiayai projek menukar bumbung Stadium Nasional yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Geran Pembangunan yang telah dilunaskan hingga tahun 2010 adalah sebanyak RM 2,407,727.

- **GERAN RANSANGAN EKONOMI KE-2**

  PSM telah menerima RM 10 juta dalam tahun 2009. Peruntukkan ini disalurkan oleh KBS bagi mencapai objektif kerajaan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi Negara dan menjalankan projek-projek singkat menaik taraf dan pembangunan baru. Geran Ransangan Ekonomi Ke-2 yang telah dilunaskan hingga tahun 2010 adalah sebanyak RM 831,281.

Cawangan
# Perolehan

Cawangan Perolehan yang diletakkan di bawah BPK bertanggungjawab di dalam menguruskan urusan pembelian dan pembaikan barangan, perkhidmatan dan kerja-kerja setiap Bahagian di KSN. Cawangan ini bertanggungjawab menguruskan pembelian-pembelian berasaskan kaedah-kaedah perolehan seperti berikut :-

- Pembelian Terus
- Sebut Harga
- Tender
- Kontrak Pusat / Sistem Panel Kontrak Pusat
- Rundingan Terus (Dengan Kelulusan Kementerian Kewangan)

Sepanjang tahun 2010, Cawangan Perolehan telah mengeluarkan sebanyak 86 sebut harga yang berjumlah RM 7,826,817.71 dan 13 tender yang berjumlah RM 18,941,179.30. Cawangan ini juga telah menguruskan urusan perolehan pembelian barangan dan perkhidmatan dan kerja-kerja menerusi proses sebut harga dan tender yang berjumlah RM 26,767,997.01.

**PECAHAN PROSES PEMBELIAN**

| Proses Pembelian | Bilangan | Jumlah (RM) |
|---|---|---|
| Sebut Harga | 86 | RM 7,826,817.71 |
| Tender | 13 | RM 18,941,179.30 |
| **Jumlah Keseluruhan Pembelian Bagi Tahun 2010** | **99** | **RM 26,767,997.01** |

**PECAHAN KATEGORI PEMBELIAN TAHUN 2010**

| Kategori Perolehan | Bilangan Sebut Harga (RM) | Nilai Sebut Harga (RM) | Bilangan Tender (RM) | Nilai Tender (RM) |
|---|---|---|---|---|
| Bekalan | 28 | 1,957,625.30 | 0 | 0.00 |
| Perkhidmatan | 13 | 2,320,907.84 | 5 | 5,839,296.00 |
| Kerja-kerja | 45 | 3,548,274.57 | 8 | 13,101,883.30 |
| **Jumlah** | **86** | **7,826,817.71** | **13** | **18,941,179.30** |

**PERBANDINGAN JUMLAH DAN NILAI SEBUTHARGA DAN TENDER BAGI TAHUN 2007 HINGGA 2010.**

| Tahun | Bilangan Sebut Harga | Nilai Sebut Harga | Bilangan Tender | Nilai Tender |
|---|---|---|---|---|
| 2007 | 59 | 2,722,837.64 | 5 | 2,651,939.00 |
| 2008 | 69 | 4,159,727.61 | 5 | 7,414,709.00 |
| 2009 | 78 | 7,839,038.95 | 9 | 19,131,540.40 |
| 2010 | 86 | 7,826,817.71 | 13 | 18,941,179.30 |
| **Jumlah** | **292** | **22,548,421.91** | **36** | **48,139,367.70** |

**BILANGAN SEBUT HARGA**




**BILANGAN TENDER**




**NILAI SEBUT HARGA**




**NILAI TENDER**




Perbezaan jumlah peningkatan bilangan sebut harga bagi tahun 2010 dan 2009 adalah sebanyak 8 sebut harga dan nilai perbezaan sebut harga tersebut adalah sebanyak RM 12,221.24 atau -0.15%. Jumlah keseluruhan ini dapat menunjukkan bahawa walaupun bilangan sebut harga meningkat pada tahun 2010 berbanding tahun 2009, namun nilai sebut harga telah berkurangan sebanyak RM 12,221.24.

Bilangan tender yang dikeluarkan oleh Cawangan Perolehan bagi tahun 2010 telah meningkat kepada 13 tender berbanding 9 tender yang dikeluarkan pada 2009. Biarpun bilangan tender meningkat pada 2010, nilai tender pula telah berkurangan sebanyak RM 190,361.10 atau -0.99% berbanding nilai tender yang dikeluarkan sepanjang tahun 2009. Tender-tender yang telah dikeluarkan sepanjang tahun 2010 tertumpu kepada tender perkhidmatan penyelenggaraan kebersihan dan landskap untuk kesemua venue di KSN serta projek-projek pembangunan yang diletakkan di dalam Rancangan Malaysia ke-9 seperti:

- Kerja-kerja Menggantikan Turf di Stadium Hoki Nasional;dan
- Kerja-kerja Menggantikan Trek di Stadium Nasional.

Menyebabkan jumlah keseluruhan sebut harga dan tender bagi tahun 2010 menurun sebanyak RM 202,582.34 atau -0.75% berbanding tahun 2009.

Cawangan
# Kawalan Kredit

Cawangan Kawalan Kredit telah ditubuhkan pada 1 Januari 2003 dengan objektif utama adalah untuk memantau aliran hutang-hutang lama atau baru PSM serta mengawal selia kes-kes mahkamah sehingga selesai dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya demi mengelakkan berlakunya hutang-hutang lapuk yang seterusnya akan memberikan kesan kepada pendapatan PSM.

Sepanjang tahun 2010, Cawangan Kawalan Kredit telah berjaya mendapatkan kutipan hasil tertunggak dan hasil semasa sebanyak RM 3,520,071.42. Hasil tertunggak merupakan kutipan tunggakan bagi hutang tahun 2009 dan sebelumnya yang telah berjaya dikutip pada tahun 2010. Manakala hasil semasa membawa maksud hutang tahun semasa iaitu tahun 2010 yang telah dapat dikutip sepanjang tahun 2010. Pecahan hasil yang berjaya dipungut bagi tahun 2008 hingga 2010 dan perbandingan kutipan hasil bagi tahun-tahun tersebut adalah seperti di jadual berikut.

**KLASIFIKASI KUTIPAN HASIL BAGI TAHUN 2007 HINGGA 2008**

| Tahun | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 |
|---|---|---|---|---|
| Hasil Semasa | 1,757,360.56 | 1,298,208.76 | 1,812,612.31 | 2,197,578.18 |
| Hasil Tertunggak | 800,991.66 | 1,338,027.80 | 1,830,190.66 | 1,322,493.24 |
| **Jumlah (RM)** | **2,558,352.22** | **2,636,236.56** | **3,642,802.97** | **3,520,071.42** |

**HASIL SEMASA**




**HASIL TERTUNGGAK**








## PANEL PEGUAM

Dalam usaha Cawangan Kawalan Kredit memantau dan mengutip kembali hutang-hutang tertunggak, tindakan mahkamah telah diambil terhadap penghutang yang ingkar. Sehingga kini sebanyak 8 panel peguam telah dilantik berbanding 7 Panel Peguam pada tahun 2009 untuk mengendalikan kes-kes tuntutan tersebut. Tindakan mahkamah diambil setelah Surat Peringatan Terakhir dikeluarkan. Pecahan kes-kes yang dikendalikan oleh panel-panel peguam adalah seperti berikut:-

| Bil | Panel Peguam | Jumlah Kes | |
|---|---|---|---|
| | | 2009 | 2010 |
| 1. | Tetuan Hamidi & Farid | 33 | 33 |
| 2. | Tetuan Affendi Zahari & Rakan-Rakan | 14 | 14 |
| 3. | Tetuan Ghazali Ariff | 3 | 3 |
| 4. | Tetuan Jayaratnam | 16 | 16 |
| 5. | Tetuan Nasira Aziz & Co | 8 | 8 |
| 6. | Tetuan Yazli Zain Megat & Murad | 1 | 1 |
| 7. | Tetuan Azaine & Fakhrul | 3 | 3 |
| 8. | Tetuan Zulpadli & Edham | - | 32 |
| | **Jumlah Keseluruhan Kes** | **78** | **110** |

# Cawangan Pengurusan Aset & Stor

Pengurusan aset dan stor adalah satu aspek pengurusan kewangan yang sangat penting seperti pengurusan-pengurusan lain. Aset dan stor merupakan wang kerajaan yang tersimpan di dalam bentuk barangan dan dengan itu aset dan stok boleh disifatkan sebagai wang atau modal kerajaan terikat. Bagi memastikan kelancaran dalam pengurusan aset dan stor, pemakaian Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan Panduan Perbendaharaan Tatacara Pengurusan Stor telah digunakan.

## AKTIVITI PENGEMASKINIAN REKOD

- Membuat semakan baucar bagi setiap pembelian aset bagi tujuan merekodkan aset-aset yang baru.
- Mendaftarkan aset-aset yang baru dibeli ke dalam Kad Daftar Harta Modal (Kew.PA-2) dan Kad Daftar Inventori (Kew. PA-3).
- Membuat tanda pengenalan bagi setiap barang-barang yang terdapat di stor-stor dan aset PSM.
- Membuat penyenaraian aset bagi semua venue di KSN untuk tujuan pengemaskinian rekod aset di KSN.
- Membuat simpanan rekod aset-aset yang telah dibeli ke dalam sistem perisian yang dikenali sebagai 'UBS Assets Register'.
- Melaksanakan pelupusan dan hapus kira ke atas aset dan stok yang tidak boleh digunakan dan yang telah hilang. Proses ini akan dijalankan setelah mendapat kelulusan daripada pihak yang terlibat dalam meluluskan pelupusan dan hapus kira aset dengan berpandukan kepada Arahan Perbendaharaan dan Arahan Kewangan yang telah ditetapkan.
- Membuat penyusunan semula bagi stor peralatan pejabat, stor peralatan kejuruteraan dan stor peralatan olahraga bagi memudahkan proses pengambilan dan penyelenggaraan barang-barang.
- Membuat verifikasi stok bagi setiap barang-barang yang berada di dalam simpanan stor-stor di KSN.
- Membuat simpanan rekod ke atas pembelian dan pengambilan barang-barang dari stor ke dalam sistem perisian yang dikenali sebagai ' UBS Stock Control 9.1'.

## PENCAPAIAN DAN PERBANDINGAN JUMLAH PEMBELIAN ASET YANG BARU BAGI TAHUN 2006 HINGGA 2008

Tahun 2010, aktiviti Cawangan Pengurusan Aset dan Stor adalah mengendalikan urusan pendaftaran aset yang baru dibeli, menjalankan pemeriksaan fizikal aset bagi menentukan kedapatan aset di lokasi yang dinyatakan, melaksanakan proses pelupusan bagi aset yang telah rosak dan tidak ekonomik dibaiki serta menguruskan proses kehilangan dan hapus kira bagi aset yang telah hilang.

Pembelian aset baru bagi tahun 2010 bertujuan untuk meningkatkan kemudahan peralatan di KSN serta melancarkan aktiviti harian kakitangan PSM melaksanakan tugas. Bagi jumlah aset yang dibeli, terdapat penurunan pada tahun 2010 berbanding tahun 2008 dan tahun 2009. Perbandingan ini dapat ditunjukkan melalui jadual dan carta.

| Tahun | Pembelian Aset Baru (RM) | Jumlah Aset PSM (RM) |
|---|---|---|
| 2007 | 547,130.00 | 1,251,565.00 |
| 2008 | 371,179.00 | 1,214,829.00 |
| 2009 | 557,867.00 | 1,395,855.00 |
| 2010 | 367,595.00 | 1,360,607.31 |

PEMBELIAN ASET BARU




JUMLAH ASET




## PENGURUSAN STOR

Pengurusan Stor PSM adalah berpandukan kepada pekeliling baru yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan berkenaan dengan Tatacara Pengurusan Stor Bil. 5 Tahun 2009 menggantikan Tatacara Pengurusan Stor yang lama. Tatacara yang diamalkan di dalam Pengurusan Stor PSM adalah menyamai konsep Pengurusan Aset PSM kerana ia melibatkan proses penerimaan dan pendaftaran stok barang sehingga kepada proses pelupusan serta kehilangan/hapus kira stok.

Bermula Jun 2010, Unit Pengurusan Aset dan Stor telah diberi tanggungjawab sepenuhnya bagi mengendalikan urusan keluar dan masuk peralatan Sukan dan Olahraga di Stor Olahraga Stadium Nasional di mana sebelum ini telah dikendalikan oleh Bahagian Kejuruteraan dan Penyelenggaraan. Sehingga tahun 2009, Cawangan Pengurusan Aset telah diberikan tanggungjawab untuk menguruskan 3 stor utama yang berlokasi di Stadium Nasional iaitu Stor Alat Tulis, Stor Peralatan Kejuruteraan dan Stor Peralatan Sukan dan Olahraga.

# Bahagian Pemasaran & Jualan

## Cawangan
# Pemasaran & Jualan

Bahagian Pemasaran dan Jualan (BPJ) telah diberi tanggungjawab untuk merealisasikan penggunaan semua venue di KSN. Setelah beroperasi selama hampir 11 tahun, BPJ sentiasa berusaha memasarkan Kompleks Sukan Negara (KSN) sebagai venue pelbagai guna. Kejayaan ini terbukti apabila KSN menjadi venue pilihan penganjuran pelbagai acara dan menjadi kunjungan dari pelbagai lapisan masyarakat selaras dengan moto yang digunakan 'Di Sini Segalanya Mungkin'.

BPJ mempunyai seramai 11 orang kakitangan dan pelaksanaan aktiviti harian di bawah seliaan BPJ dipertanggungjawabkan kepada 2 cawangan utama iaitu Cawangan Jualan dan Cawangan Pembangunan Perniagaan.

BPJ bertanggungjawab untuk melaksanakan fungsi-fungsi yang telah diamanahkan seperti berikut bagi memastikan pengurusan di KSN berjalan dengan lancar dan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

- Menerima, menyelaras dan mengemaskinikan tempahan stadium di samping mempelbagaikan, memperbanyak dan meningkatkan jumlah acara di KSN.

- Mengoptimumkan penggunaan ruang-ruang perniagaan dan merancang serta meneroka peluang-peluang perniagaan.

- Mengenal pasti pelanggan yang berpotensi dan menjalinkan hubungan kerjasama yang erat dengan penganjur acara

- Menyertai misi-misi perdagangan dalam dan luar negara untuk memasarkan dan mempromosikan KSN.

Laporan prestasi BPJ sepanjang tahun 2010 ini mengambil kira semua venue di bawah pengurusan PSM iaitu:-

- Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil (KSNBJ)
- Kompleks Sukan Negara Bukit Kiara (KSNBK)
- Kompleks Sukan Negara Panasonic (KSNP)
- Kompleks Sukan Negara Jalan Duta (KSNJD)

## Cawangan
# Jualan

Strategi pemasaran penting untuk memastikan KSN terus mendapat tempat di kalangan penganjur tempatan dan antarabangsa. Oleh itu pelbagai rancangan dan strategi telah dilaksanakan pada tahun 2010 dalam memastikan segala rancangan dan pelan dicapai dengan sempurna. Pakej yang diperkenalkan bagi acara bukan sukan sejak tahun 2009 terus mendapat sambutan positif oleh penganjur acara-acara bukan sukan khususnya acara konsert. Kadar sewa tersebut merangkumi keseluruhan sewaan tidak termasuk kadar caj penggunaan utiliti dan ini amat memudahkan para penganjur acara di KSN kerana caj bayaran levi telah dimansuhkan.

**PENDEKATAN DAN AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN**

Usaha yang berterusan telah dilaksanakan oleh BPJ bagi memastikan jumlah penggunaan arena di KSN terus meningkat dari masa ke semasa. Aktiviti yang telah dilaksanakan sehingga Disember 2010 adalah seperti berikut :-

- Mengiklankan kemudahan-kemudahan yang ada di media massa;

- Mengemaskini data pelanggan dan menjaga hubungan baik dengan pelanggan;

- Menggiatkan usaha untuk mendapatkan pelanggan melalui promosi panggilan telefon; dan

- Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan untuk mempromosikan arena dengan pembukaan gerai-gerai pameran di acara-acara yang dianjurkan oleh agensi-agensi kerajaan tersebut.

Di samping aktiviti yang dinyatakan di atas, untuk memastikan jumlah pendapatan yang dijana di KSN mencapai sasaran yang telah ditetapkan iaitu peningkatan sekurang-kurangnya 50% setiap tahun PSM telah membuat perancangan yang teliti dengan mencetuskan cadangan-cadangan berikut:-

- Mempelbagaikan penggunaan Dewan Sri Putra untuk acara-acara seperti majlis perkahwinan dan aktiviti di dalam dewan;

- Mempelbagaikan acara di Stadium Hoki Nasional termasuk untuk acara-acara perhimpunan dan lain-lain acara yang bersesuaian;

- Mempergiatkan usaha-usaha ke arah mempromosikan kawasan Infra bagi acara sukan dan bukan sukan; dan

- Mengimplementasikan kaedah pemasaran arena yang dilaksanakan di luar negara untuk meningkatkan pendapatan PSM.

## PENCAPAIAN TAHUN 2010

### PENDAPATAN DAN JUMLAH ACARA MENGIKUT BULAN

Pendapatan yang diperoleh sehingga Disember 2010 berjumlah RM5,946,862.00. Bagi tempoh sepanjang tahun 2010, bulan Disember menyumbangkan pendapatan sewaan tertinggi berbanding bulan-bulan lain dengan jumlah RM1,157,925.00. Manakala bulan Januari  menyumbangkan pendapatan terendah iaitu sebanyak RM166,676.00 sahaja.




Jumlah keseluruhan acara yang telah berlangsung dari Januari hingga Disember 2010 ialah 9,026 acara. Bulan April menyumbang jumlah acara tertinggi iaitu 1,220 acara berbanding bulan-bulan lain sepanjang tahun 2010 ini. Manakala bulan Ogos menyumbang jumlah acara terendah iaitu 461 acara .
Acara-acara yang dianjurkan di KSN boleh dipecahkan mengikut tiga kategori utama iaitu acara bukan sukan, acara sukan dan juga latihan-latihan sukan.



## PENDAPATAN DAN JUMLAH ACARA MENGIKUT KATEGORI PENGGUNAAN

Carta menjelaskan sehingga Disember 2010 acara bukan sukan menyumbang jumlah pendapatan sewaan tertinggi iaitu RM4,143,951.00 berbanding acara sukan dan latihan sukan yang masing-masing hanya mencatatkan RM1,366,428.00 dan RM436,483.00.

Bagi tempoh sehingga Disember 2010, KSN telah dipilih untuk menganjurkan sebanyak 284 acara bukan sukan, 883 acara sukan dan 7,859 latihan sukan.







## PENDAPATAN DAN JUMLAH ACARA MENGIKUT ARENA

Sehingga Disember 2010, semua arena di bawah pengurusan KSN telah dijadikan venue pilihan untuk penganjuran pelbagai acara. Namun dari segi pungutan pendapatan sewaan, Stadium Putra menyumbang perolehan tertinggi iaitu RM3,078,175.00. Manakala, arena yang menyumbangkan pendapatan terendah adalah KSN Bukit Kiara ( Stadium Juara )iaitu sebanyak RM6,207.00.



Merujuk pada carta, KSN Jalan Duta menyumbang jumlah acara tertinggi iaitu 2,912 acara daripada jumlah keseluruhan 9,026 acara berbanding lain-lain venue dalam tempoh suku tahun kedua 2010.




## PERBANDINGAN JUMLAH ACARA TAHUN 2008 SEHINGGA 2010

Acara yang berlangsung di KSN pada tahun 2010 meningkat berbanding tahun-tahun sebelumnya bagi semua kategori acara kecuali acara bukan sukan yang telah menunjukkan penurunan daripada jumlah acara sebanyak 309 kepada sebanyak 284 iaitu penurunan sebanyak 4.2%. Carta menunjukkan peningkatan sebanyak 15.5 % berbanding tahun 2009 iaitu sebanyak 9026 jumlah acara berbanding tahun 2009 iaitu sebanyak 6601 jumlah acara telah diadakan.












Cawangan
# Pembangunan Perniagaan

Sejak PSM mengambil alih pentadbiran di KSN Bukit Jalil, Bukit Kiara, Jalan Duta dan Panasonic Shah Alam, KSN berada dalam pertumbuhan perniagaan yang pesat dan berkembang daripada arena yang khusus untuk acara sukan kepada arena pelbagai guna yang mendapat tempat dan pilihan para penganjur serta pelabur. Sejajar dengan hasrat menjadikan KSN sebuah Bandar Sukan dan mengurangkan kadar kebergantungan kepada sumbangan kerajaan, maka bagi tahun 2010 pelbagai strategi telah dilakukan bagi menambah pendapatan di samping memberi peluang-peluang perniagaan kepada pelabur yang berhasrat untuk menceburkan diri dalam aktiviti perniagaan di KSN.

**PENDEKATAN DAN AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN**

Di samping menjalankan aktiviti harian yang meliputi Pemberian Hak Eksklusif, Penyewaan Tapak Jangka Panjang, Penyewaan Tapak Penempatan Alat Pemancar Telekomunikasi, Penyewaan Ruang Pejabat, Jualan Lot Peniagaan Sewaktu Acara, Penyewaan Ruang Niaga Tetap dan Penyewaan Pusat Penjaja, Cawangan Pembangunan Perniagaan telah menaik taraf sebahagian besar kiosk di KSN Bukit Jalil khususnya di Stadium Putra dan Stadium Nasional.

Bagi tahun 2010 Cawangan Pembangunan Perniagaan (CPP) juga memberikan tumpuan khusus kepada Pembangunan projek-projek ke arah menjadikan KSN sebuah Bandar Sukan. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, PSM telah memajak tanah-tanah Persekutuan di KSNBJ dan KSNBK seluas 330 ekar yang telah diluluskan pemajakannya berkuat kuasa tahun 2009 bagi tempoh 30 tahun dengan opsyen pelanjutan 30 tahun. Pemajakan tanah ini dibuat bertujuan untuk memaksimumkan penggunaan tanah di KSN bagi tujuan pembangunan komersial yang dilihat sangat bernilai, berdaya maju dan akhirnya mampu menjana pendapatan yang berlipat kali ganda. Pembangunan projek komersial ini akan melibatkan pelaburan daripada pihak swasta sepenuhnya yang mana ianya tidak memerlukan bantuan kerajaan. Di antara projek yang telah diusulkan adalah Pembangunan Hotel, Pusat Sukan, Pusat Konvensyen dan Bukit Jalil Square. Projek tersebut sedang dikaji oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS,JPM) sebelum diluluskan oleh Kabinet bagi maksud perlaksanaannya.

**PENCAPAIAN TAHUN 2010**

**PECAHAN PENDAPATAN YANG TELAH DIJANA MENGIKUT AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2010**

Secara keseluruhannya, sepanjang tahun 2010, CPP telah berjaya menjana hasil sebanyak RM1,730,457.40 daripada aktiviti pembangunan perniagaan yang dilaksanakan. Jadual berikut menunjukkan pecahan pendapatan yang telah dijana mengikut aktiviti sepanjang tahun 2010.

| Bil | Aktiviti | RM |
|---|---|---|
| 1 | Hak Eksklusif | 104,189.90 |
| 2 | Sewaan Jangka Panjang | 702,259.20 |
| 3 | Sewaan Tapak Penempatan Alat Pemancar Telekomunikasi | 289,000.00 |
| 4 | Sewaan Ruang Pejabat | 181,188.00 |
| 5 | Sewaan Ruang Niaga | 352,947.00 |
| 6 | Sewaan Tapak Mesin Vending | 4,000.00 |
| 7 | Sewaan Lot Perniagaan Sewaktu Acara | 88,404.00 |
| 8. | Jualan Cenderamata | 8,469.30 |
| | **Jumlah** | **1,730,457.40** |

Carta menunjukkan sebahagian besar punca pendapatan daripada aktiviti perniagaan adalah daripada aktiviti sewaan jangka panjang yang berjumlah RM702,259.20 (40.58%), diikuti sewaan ruang niaga sebanyak RM352,947.00 (20.40%) dan sewaan tapak penempatan alat pemancar telekomunikasi RM289,000.00 (16.70%).




## PECAHAN PENDAPATAN MENGIKUT VENUE

Secara keseluruhannya bagi bulan Januari sehingga Disember 2010, pencapaian pendapatan mengikut kategori arena dapat diringkaskan seperti carta di bawah.

| Bil | Arena | RM |
|---|---|---|
| 1 | Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil (KSNBJ) | 1,064,845.20 |
| 2 | Kompleks Sukan Negara Bukit Kiara (KSNBK) | 491,575.20 |
| 3 | Kompleks Sukan Negara Panasonic (KSNP) | 39,400.00 |
| 4 | Kompleks Sukan Negara Jalan Duta (KSNJD) | 134,637.00 |
| | **Jumlah** | **1,730,457.40** |

Merujuk carta, sebahagian aktiviti pembangunan perniagaan berpusat di KSNBJ telah menyumbang sebanyak RM1,064,845.20 (61.54%) daripada keseluruhan pendapatan sehingga Disember 2010.



## PERBANDINGAN PENCAPAIAN TAHUN 2007 HINGGA 2010

Secara keseluruhannya peratusan pencapaian pendapatan telah meningkat dari tahun 2007 hingga tahun 2010. Pada tahun 2010 pencapaian yang telah diperoleh adalah 101.82% iaitu RM 1,730,457.40 berbanding tahun 2009 adalah 84.28% iaitu RM 1,730,457.40.

| Tahun | Sasaran | Pencapaian | |
|---|---|---|---|
| | | RM | % |
| 2007 | 1,602,719.02 | 1,445,366.90 | 90.20 |
| 2008 | 1,458,086.00 | 1,263,020.30 | 86.62 |
| 2009 | 1,679,937.00 | 1,416,007.56 | 84.28 |
| 2010 | 1,699,959.00 | 1,730,457.40 | 101.82 |

Carta menjelaskan bahawa pencapaian bagi tahun 2010 telah melepasi sasarannya iaitu sebanyak 101.82 % berbanding tahun-tahun sebelumnya dan ianya memberi gambaran dan potensi untuk mengembangkan aktiviti pembangunan perniagaan di sekitar KSN.






# Bahagian Pembangunan & Pengurusan Acara

Cawangan
# Pembangunan & Pengurusan Acara

Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Acara (BPPA) telah diberi tanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan yang bermutu, efisien dan responsif kepada pelanggan, penganjur dan orang awam yang menggunakan venue dan kemudahan di KSN. BPPA akan memastikan bahawa semua acara yang dianjurkan di KSN berlangsung dengan lancar tanpa sebarang masalah, bermula dari kerja-kerja persiapan sehingga acara selesai. Turut tidak diabaikan aspek keselamatan secara keseluruhannya. Sejajar dengan perkembangan semasa menguruskan KSN, bahagian ini tidak leka malahan telah mengambil peluang untuk menganjurkan sendiri beberapa jenis acara di KSN sebagai memperkenalkan dan mempromosikan venue di KSN yang boleh di pelbagai guna. Sepanjang tahun 2009, program-program di KSN telah diberi penambahbaikan dari pelbagai aspek agar memenuhi keperluan pelanggan mengikut perubahan semasa.

BPPA mempunyai seramai 38 orang kakitangan dan pelaksanaan aktiviti harian di bawah seliaan BPPA dipertanggungjawabkan kepada 2 cawangan utama iaitu Cawangan Pembangunan Acara dan Cawangan Pengurusan Acara.

BPPA bertanggungjawab untuk melaksanakan fungsi-fungsi yang telah diamanahkan seperti berikut bagi memastikan pengurusan di KSN berjalan dengan lancar dan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

- Membuat penyelidikan dan pembangunan acara yang dianjurkan di KSN.

- Menyelaras acara dan aktiviti yang dianjurkan oleh PSM atau pelanggan bagi tujuan meluaskan pengalaman serta pengetahuan dalam pengendalian dan pengurusan acara.

- Memantau kerja-kerja persiapan dan pemunggahan oleh penganjur di samping menekankan aspek kebersihan, pengurusan stadium, keperluan sebelum, semasa dan selepas acara.

- Bertanggungjawab secara langsung terhadap aspek keselamatan penonton.

Laporan prestasi BPPA sepanjang tahun 2010 ini mengambil kira semua venue di bawah pengurusan PSM iaitu:-

- Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil (KSNBJ)
- Kompleks Sukan Negara Bukit Kiara (KSNBK)
- Kompleks Sukan Negara Panasonic (KSNP)
- Kompleks Sukan Negara Jalan Duta (KSNJD)

Cawangan
# Pengurusan Acara

Kecenderungan dalam menerima pelbagai jenis acara menjadikan KSN terus kekal dan menjadi pesaing terhebat kepada venue-venue swasta lain di Malaysia. Sepanjang tahun 2010, sebanyak 9,026 acara telah berlangsung di KSN. Ini membuktikan KSN terus menjadi venue pilihan bagi menjayakan pelbagai jenis acara. Malahan turut menjadi pilihan untuk penganjuran acara bertaraf antarabangsa seperti konsert-konsert artis luar negara dan penganjuran acara sukan bertaraf dunia.

**PENCAPAIAN TAHUN 2010**

Selama 12 tahun organisasi KSN terus unggul dan sentiasa menerima kunjungan orang ramai bagi menyaksikan pelbagai acara seperti konvensyen, karnival, konsert, pameran dan pelbagai jenis acara telah berlangsung di sini. Dengan jumlah acara sebanyak 9,026 dianggarkan seramai 1,772,200 orang pengunjung direkodkan pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 seramai 1,296,040 orang. Peningkatan jumlah pengunjung sebanyak 37% adalah selari dengan perbezaan jumlah acara pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 sebanyak 2,425 acara iaitu peningkatan sebanyak 37%.

Keberkesanan kerja diukur bagi menentukan prestasi setiap tahun cawangan ini. Pengukuran ini ditentukan bagi mengenal pasti jumlah acara yang dianjurkan dengan jumlah kakitangan yang bertugas adalah produktif dan berdaya saing untuk meningkatkan mutu kerja dari tahun ke tahun. Jumlah keberkesanan kerja yang tercatat di dalam ruangan adalah pengiraan di mana jumlah bilangan acara dibahagikan dengan jumlah bilangan pekerja di bahagian Pembangunan

dan Pengurusan Acara. Keberkesanan kerja pada tahun 2010 meningkat sebanyak 48% yang menjelaskan prestasi, komitmen dan keperluan pelanggan-pelanggan dipenuhi sebaik mungkin demi memastikan kepuasan pelanggan. Ini terbukti apabila sepanjang tahun 2010, tiada aduan yang diterima atas sebab perkhidmatan dalam pengurusan acara yang diberikan.

**JUMLAH ACARA, PENGUNJUNG DAN KEBERKESANAN KERJA TAHUN 2007 HINGGA 2010**

| Tahun | Bilangan Acara | Jumlah Pengunjung | Jumlah Kakitangan | Keberkesanan Kerja |
|---|---|---|---|---|
| 2007 | 6,639 | 1,303,500 | 29 | 229 |
| 2008 | 5,336 | 1,084,581 | 28 | 191 |
| 2009 | 6,601 | 1,296,040 | 41 | 161 |
| 2010 | 9,026 | 1,772,200 | 38 | 238 |

**JUMLAH ACARA**




**JUMLAH PENGUNJUNG**




**KEBERKESANAN KERJA**



**PEMBELIAN DAN PEMBAIKAN PERALATAN OLEH UNIT PENGURUSAN ACARA PADA TAHUN 2010**

Cawangan ini turut bertanggungjawab atas urusan permohonan pembelian dan kerja-kerja pembaikan peralatan sukan dan peralatan venue. Antaranya ialah pembelian kerusi dan meja untuk venue, padding tiang gol, peralatan gimnasium, memasang dan membuka hammer cage semasa kejohanan, khemah lipat untuk kegunaan semasa acara dan sebagainya. Carta menunjukkan jumlah kos pembelian dan pembaikan peralatan sukan dan peralatan venue tahun 2010.




## Cawangan
# Pembangunan Acara

Cawangan Pembangunan Acara berperanan untuk menjana pendapatan melalui penganjuran acara in-house. Usaha ini merupakan serampang dua mata iaitu di samping menjana pendapatan ia juga bertujuan mempromosikan KSN di mata umum. Selain itu ia dapat melahirkan kakitangan dan melatih kakitangan PSM untuk menganjurkan dan menguruskan acara sendiri. Dengan ini, PSM akan memiliki kakitangan yang berkemampuan dan berkemahiran mengendalikan pelbagai jenis acara.

**PENGANJURAN ACARA 'IN HOUSE'**

Penganjuran acara in-house sepanjang 2010 yang telah berjaya dilaksanakan oleh cawangan ini adalah seperti berikut:-

- **KEJOHANAN FUTSAL**

  Pada tahun 2010 kejohanan ini telah berjaya melibatkan penyertaan dari luar kawasan Lembah Kelang. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:-

| | |
|---|---|
| **Tarikh Acara** | 06 hingga 07 Mac 2010 |
| **Lokasi** | Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil |
| **Penyertaan** | 154 pasukan (1,232 orang)<br>(72 pasukan/576 orang – kategori lelaki terbuka)<br>(26 pasukan/ 208 orang -kategori terbuka wanita)<br>(56 pasukan/448 orang -kategori remaja bawah 18 tahun) |
| **Kategori** | 3 kategori iaitu lelaki terbuka,wanita terbuka & remaja lelaki bawah 18 tahun. |

- **PERTANDINGAN GUSTI LENGAN**

  Pertandingan Gusti Lengan adalah pertandingan yang dilaksanakan sebagai acara sampingan semasa kejohanan Futsal dan Kejohanan Bola Jaring KSN. Ia sedikit sebanyak mampu menjana pendapatan tambahan kepada PSM. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:-

| | |
|---|---|
| **Tarikh Acara dan Lokasi** | 06 hingga 07 Mac 2010<br>(semasa Kejohanan Futsal KSN) Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil<br><br>03 hingga 04 Julai 2010<br>(semasa Kejohanan Bola Jaring KSN) Stadium Juara Bukit Kiara |
| **Penyertaan** | **Semasa Kejohanan Futsal KSN**<br>79 Peserta<br>(23 peserta - Lelaki 85.1 kg ke atas)<br>(12 peserta - Lelaki 75.1 kg ke atas)<br>(36 peserta - Lelaki 75 kg ke bawah)<br>(8 peserta - Wanita terbuka)<br><br>**Semasa Kejohanan Bola Jaring KSN**<br>24 Peserta<br>(4 peserta - Lelaki 85.1 kg ke atas)<br>(4 peserta - Lelaki 75.1 kg ke atas)<br>(8 peserta - Lelaki 75 kg ke bawah)<br>(8 peserta - Wanita terbuka)<br><br>Jumlah keseluruhan = 103 orang |
| **Kategori** | 4 kategori iaitu lelaki 85.1 kg ke atas, lelaki 75.1 kg ke atas, lelaki 75 kg ke bawah dan wanita terbuka. |

- **CAMP@KSN**

  Selain acara berbentuk sukan, Cawangan Pembangunan Acara juga turut menganjurkan acara khas untuk pelajar sekolah yang dinamakan Camp@KSN. Bertujuan untuk melahirkan generasi muda yang berdaya saing dan berdedikasi dalam mencapai harapan negara suatu hari nanti. Pada tahun 2010, acara ini telah berjaya mencapai matlamat dengan menambahkan pendapatan di samping mempromosikan Bukit Komanwel, Bukit Jalil sebagai lokasi yang sesuai untuk perkhemahan. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:-

| | |
|---|---|
| **Tarikh Acara** | 04 hingga 06 Jun 2010 |
| **Lokasi** | Bukit Komanwel, Bukit Jalil |
| **Penyertaan** | 70 peserta<br>(39 lelaki dan 31 perempuan) |
| **Aktiviti** | Ceramah (ke arah pembinaan akhlak mulia dan kasih sayang antara manusia)); Aktiviti permainan; Survivor course, menguji kecekapan, kreativiti dan kerjasama; Aktiviti dan sukaneka air; Persembahan kebudayaan; Solo Night Walk; dan Aktiviti Sukaneka. |

- **KEJOHANAN BOLA JARING KSN**

  Kejohanan Bola Jaring kali ini merupakan cubaan ke-6 PSM untuk mempelbagaikan acara. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:-

| | |
|---|---|
| **Tarikh Acara** | 03 hingga 04 Julai 2010 |
| **Lokasi** | Stadium Juara, Bukit Kiara |
| **Penyertaan** | 43 pasukan (430 orang)<br>(31 pasukan -kategori terbuka wanita)<br>(12 pasukan – kategori lelaki terbuka) |
| **Kategori** | Terdapat 2 kategori iaitu terbuka wanita dan lelaki terbuka |

- **KEJOHANAN JAGUH RENANG**

  Kejohanan Jaguh Renang KSN ini telah dianjurkan oleh PSM Stadium Merdeka sejak tahun 2009. Kejohanan ini bertujuan untuk mempromosikan sukan renang dan venue di KSN . Di samping itu, kejohanan ini dapat mencungkil bakat-bakat baru dalam sukan renang yang boleh diketengahkan ke peringkat amatur dan profesional. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:-

| | |
|---|---|
| **Tarikh Acara** | 23 hingga 24 Oktober 2010 |
| **Lokasi** | Pusat Akuatik Nasional |
| **Kategori** | **Perseorangan**<br>- Gaya Kuak Lentang, Gaya Kuak Kupu-kupu, Gaya Kuak Dada dan Gaya Bebas (Dalam Jarak 50 dan 100 meter)<br><br>**Berpasukan**<br>- Berganti-ganti dan Rampaian |
| **Penyertaan** | 1,348 Peserta<br>(791 lelaki dan 557 perempuan) |



## PROGRAM REKREASI SEPANJANG TAHUN 2010

Selain menjalankan pelbagai program "In-house" untuk menjanakan pendapatan, PSM tidak melupakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat umum. Ini dapat dilihat menerusi program rekreasi yang diadakan untuk orang ramai dengan kadar bayaran minimum di dalam menggalakkan masyarakat melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan rekreasi. Antara program yang disediakan pada tahun 2010 ialah:-

## PROGRAM REKREASI RENANG

- **PENCAPAIAN TAHUN 2010**

| Bulan | KSNBJ | | | KSNP | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Jumlah Peserta | Pendapatan (RM) | Jumlah Hari | Jumlah Peserta | Pendapatan (RM) | Jumlah Hari |
| Januari | 2,886 | 8,745.00 | 26 | 1,642 | 3,259.50 | 25 |
| Februari | 1,642 | 5,138.00 | 21 | 2,018 | 3,979.50 | 24 |
| Mac | 2,409 | 7,329.00 | 25 | 2,582 | 5,124.00 | 26 |
| April | 2,942 | 8,802.00 | 25 | 2,229 | 4,419.00 | 26 |
| Mei | 3,106 | 9,611.00 | 23 | 2,355 | 4,760.00 | 28 |
| Jun | 3,549 | 11,200.00 | 26 | 2,460 | 4,775.00 | 27 |
| Julai | 3,302 | 3,328.00 | 26 | 2,126 | 4,185.00 | 26 |
| Ogos | 3,396 | 10,611.00 | 26 | 1,699 | 3,377.00 | 24 |
| September | 2,788 | 8,877.00 | 21 | 1,561 | 3,163.00 | 22 |
| Oktober | 382 | 1,122.00 | 6 | 2,009 | 4,019.50 | 25 |
| November | 2,447 | 7,639.00 | 24 | 2,020 | 3,963.50 | 24 |
| Disember | 2,626 | 8,257.00 | 24 | 1,786 | 3,425.00 | 26 |
| **Jumlah** | **31,475** | **90,659.00** | **273** | **24,487** | **48,450.00** | **303** |

** Pendapatan berkurangan pada bulan Oktober adalah di sebabkan kerja-kerja pembaikan lantai mudah alih (moving floor) di Pusat Akuatik Nasional, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil.*

- **PERBANDINGAN TAHUN 2009 DAN 2010**

| Perkara | 2009 | | | 2010 | | | Perbandingan | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | KSNBJ | KSNP | Jumlah | KSNBJ | KSNP | Jumlah | Orang/RM | Peratusan |
| Jumlah Pengunjung | 27,035 | 26,194 | 53,229 | 31,745 | 24,487 | 56,232 | Peningkatan 3,003 orang | Peningkatan 6% |
| Jumlah Pendapatan | 95,171 | 51,695.5 | 146,866.5 | 90,659 | 48,450 | 139,109 | Penurunan RM 7,757.5 | Penurunan 5% |
| Jumlah Hari | 256 | 310 | - | 273 | 303 | - | - | - |







## PROGRAM REKREASI TENIS

- **PENCAPAIAN TAHUN 2010.**

| Bulan | KSNP | | | KSNJD | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Jumlah Peserta | Pendapatan (RM) | Jumlah Hari | Jumlah Peserta | Pendapatan (RM) | Jumlah Hari |
| Januari | 30 | 332 | 17 | 864 | 8,616 | 31 |
| Februari | 39 | 436 | 18 | 645 | 6,132 | 28 |
| Mac | 34 | 384 | 18 | 598 | 5,814 | 31 |
| April | 14 | 160 | 7 | 647 | 6,768 | 30 |
| Mei | 39 | 436 | 15 | 659 | 6,192 | 31 |
| Jun | 42 | 470 | 18 | 545 | 5,514 | 30 |
| Julai | 16 | 170 | 11 | 305 | 2,958 | 31 |
| Ogos | 14 | 154 | 12 | 465 | 4,194 | 31 |
| September | 8 | 88 | 7 | 601 | 5,856 | 27 |
| Oktober | 31 | 338 | 15 | 757 | 7,662 | 30 |
| November | 44 | 486 | 19 | 711 | 7,350 | 30 |
| Disember | 33 | 352 | 17 | 456 | 4,482 | 31 |
| **Jumlah** | **344** | **3,806** | **174** | **7,253** | **71,538** | **361** |

• PERBANDINGAN TAHUN 2009 DAN 2010

| Perkara | 2009 | | | 2010 | | | Perbandingan | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | KSNP | KSNJD | Jumlah | KSNP | KSNJD | Jumlah | Orang/RM | Peratusan |
| Pengunjung (Orang) | 160 | 23,224 | 23,384 | 344 | 7,253 | 7,597 | Penurunan 15,787 | 67% |
| Pendapatan (RM) | 1,840 | 98,179 | 100,019 | 3,806 | 71,538 | 75,344 | Penurunan 24,675 | Penurunan 24% |
| Jumlah Hari | 84 | 287 | - | 174 | 361 | - | - | - |







## PROGRAM REKREASI SKUASY

• PENCAPAIAN TAHUN 2010

| Bulan | KSNBJ | | | KSNJD | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Jumlah Peserta | Pendapatan (RM) | Jumlah Hari | Jumlah Peserta | Pendapatan (RM) | Jumlah Hari |
| Januari | 129 | 1,290 | 26 | 15 | 145 | 31 |
| Februari | 76 | 760 | 21 | 76 | 760 | 25 |
| Mac | 116 | 1,160 | 27 | 34 | 245 | 31 |
| April | 144 | 1,440 | 25 | 25 | 250 | 30 |
| Mei | 137 | 1,370 | 25 | 30 | 300 | 31 |
| Jun | 132 | 1,320 | 26 | 23 | 230 | 30 |
| Julai | 91 | 910 | 17 | 33 | 290 | 31 |
| Ogos | 140 | 1,400 | 25 | 14 | 140 | 30 |
| September | 141 | 1,410 | 24 | 12 | 120 | 30 |
| Oktober | 120 | 1,200 | 22 | 28 | 280 | 31 |
| November | 134 | 1,340 | 25 | 50 | 430 | 30 |
| Disember | 84 | 840 | 19 | 35 | 350 | 31 |
| **Jumlah** | **1,444** | **14,400** | **282** | **375** | **3,540** | **361** |

- **PERBANDINGAN TAHUN 2009 DAN 2010**

| Perkara | 2009 | | | 2010 | | | Perbandingan | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | KSNBJ | KSNJD | Jumlah | KSNBJ | KSNJD | Jumlah | Orang/RM | Peratusan |
| Pengunjung (Orang) | 1,649 | 364 | 2,013 | 1,444 | 375 | 1,819 | Penurunan 194 | Penurunan 9% |
| Pendapatan (RM) | 16,490 | 6,265 | 22,755 | 14,440 | 3,540 | 17,980 | Penurunan 4,775 | Penurunan 20% |
| Jumlah Hari | 310 | 231 | - | 282 | 361 | - | - | - |

**JUMLAH PENGUNJUNG**




**JUMLAH PENDAPATAN**




## PROGRAM REKREASI SEPAK TAKRAW.

- **PENCAPAIAN TAHUN 2010**

| Bulan | KSNP | | |
|---|---|---|---|
| | Jumlah Peserta | Pendapatan (RM) | Jumlah Hari |
| Januari | 2 | 20 | 1 |
| Februari | 1 | 12 | 1 |
| Mac | 5 | 52 | 5 |
| April | 2 | 24 | 2 |
| Mei | 6 | 64 | 6 |
| Jun | 12 | 122 | 8 |
| Julai | 5 | 50 | 3 |
| Ogos | 4 | 40 | 2 |
| September | 4 | 40 | 2 |
| Oktober | 14 | 142 | 7 |
| November | 8 | 84 | 5 |
| Disember | 6 | 68 | 3 |
| **Jumlah** | **69** | **718** | **45** |

• **PERBANDINGAN TAHUN 2009 DAN 2010**

| Perkara | 2009 | 2010 | Perbandingan | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Orang/ RM | Peratusan |
| Pengunjung (Orang) | 23 | 69 | Peningkatan 46 | Peningkatan 200% |
| Pendapatan (RM) | 244 | 718 | Peningkatan 474 | Peningkatan 194% |
| Bilangan Hari | 12 | 45 | - | - |

**JUMLAH PENGUNJUNG**




**JUMLAH PENDAPATAN**




• **PROGRAM REKREASI BADMINTON**

• **PENCAPAIAN TAHUN 2010**

| Bulan | KSNP | | |
|---|---|---|---|
| | Jumlah Peserta | Pendapatan (RM) | Jumlah Hari |
| Januari | 115 | 1,378 | 16 |
| Februari | 126 | 1,502 | 16 |
| Mac | 113 | 1,394 | 19 |
| April | 142 | 1,692 | 19 |
| Mei | 40 | 472 | 12 |
| Jun | 78 | 894 | 20 |
| Julai | 51 | 604 | 15 |
| Ogos | 72 | 862 | 13 |
| September | 72 | 850 | 13 |
| Oktober | 61 | 724 | 11 |
| November | 125 | 1,478 | 17 |
| Disember | 82 | 978 | 14 |
| **Jumlah** | **1,077** | **12,828** | **185** |

- **PERBANDINGAN TAHUN 2009 DAN 2010**

| Perkara | 2009 | 2010 | Perbandingan | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Orang/ RM | Peratusan |
| Pengunjung (Orang) | 321 | 1,077 | Peningkatan 756 | Peningkatan 235% |
| Pendapatan (RM) | 3,800 | 12,828 | Peningkatan 9,028 | Peningkatan 237% |
| Bilangan Hari | 95 | 185 | - | - |







## PROGRAM REKREASI PING-PONG

- **PENCAPAIAN TAHUN 2010**

| Bulan | KSNP | | |
|---|---|---|---|
| | Jumlah Peserta | Pendapatan (RM) | Jumlah Hari |
| Januari | 11 | 95 | 6 |
| Februari | 30 | 252 | 13 |
| Mac | 27 | 244 | 11 |
| April | 21 | 207 | 15 |
| Mei | 27 | 261 | 13 |
| Jun | 12 | 117 | 8 |
| Julai | 6 | 42 | 3 |
| Ogos | 2 | 17 | 2 |
| September | 2 | 20 | 1 |
| Oktober | 27 | 270 | 8 |
| November | 38 | 368 | 9 |
| Disember | 7 | 67 | 6 |
| **Jumlah** | **210** | **1,960** | **95** |

• **PERBANDINGAN TAHUN 2009 DAN 2010**

| Perkara | 2009 | 2010 | Perbandingan | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Orang/ RM | Peratusan |
| Pengunjung (Orang) | 51 | 210 | Peningkatan 159 | Peningkatan 312% |
| Pendapatan (RM) | 505 | 1,960 | Peningkatan 1,455 | Peningkatan 288% |
| Bilangan Hari | 40 | 95 | - | - |

**JUMLAH PENGUNJUNG**




**JUMLAH PENDAPATAN**




## PROGRAM REKREASI GIM DAN TREK

• **PENCAPAIAN TAHUN 2010**

| Bulan | KSNP | | |
|---|---|---|---|
| | Jumlah Peserta | Pendapatan (RM) | Jumlah Hari |
| Januari | 352 | 704 | 25 |
| Februari | 282 | 564 | 24 |
| Mac | 242 | 504 | 26 |
| April | 303 | 606 | 26 |
| Mei | 329 | 658 | 28 |
| Jun | 316 | 623 | 27 |
| Julai | 219 | 438 | 26 |
| Ogos | 190 | 380 | 24 |
| September | 173 | 354 | 22 |
| Oktober | 373 | 746 | 25 |
| November | 300 | 600 | 24 |
| Disember | 275 | 547 | 26 |
| **Jumlah** | **3,354** | **6,724** | **303** |

- **PERBANDINGAN TAHUN 2009 DAN 2010**

| Perkara | 2009 | 2010 | Perbandingan | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Orang/ RM | Peratusan |
| Pengunjung (Orang) | 3,183 | 3,354 | Peningkatan 171 | Peningkatan 5% |
| Pendapatan (RM) | 6,366 | 6,724 | Peningkatan 358 | Peningkatan 6% |
| Bilangan Hari | 310 | 303 | - | - |

**JUMLAH PENGUNJUNG**




**JUMLAH PENDAPATAN**




## PROGRAM HARI KSN BERSAMA ANDA

- **PENCAPAIAN TAHUN 2010**

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memenuhi tanggungjawab sosial dan memberi peluang kepada orang ramai menggunakan kemudahan yang ada di KSN secara percuma. Berikut adalah jadual dan carta yang menunjukkan pencapaian Program Hari KSN Bersama Anda tahun 2010.

| Bulan | KSNBJ SN | KSNBJ SP | KSNBJ SHN II | KSNBJ PAN | KSNBJ PSN | KSNBJ XT | KSNBK SJ | KSNBK PBPN | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Januari | 20 | - | - | 340 | 90 | 0 | 0 | 98 | 548 |
| Februari | 15 | - | - | 555 | 60 | 0 | 0 | 52 | 682 |
| Mac | 18 | - | - | 448 | 112 | 0 | 0 | 56 | 634 |
| April | 12 | - | - | 538 | 55 | 16 | 0 | 48 | 669 |
| Mei | 13 | - | - | 296 | 63 | 12 | 0 | 56 | 440 |
| Jun | 22 | - | - | 613 | 60 | 6 | 72 | 52 | 825 |
| Julai | 10 | - | - | 752 | 61 | 0 | 0 | 78 | 901 |
| Ogos | 5 | - | - | 461 | 55 | 0 | 0 | 0 | 521 |
| September | 23 | - | - | 380 | 63 | 0 | 0 | 0 | 466 |
| Oktober | 12 | - | - | 58 | 115 | 0 | 0 | 88 | 273 |
| November | 15 | - | - | 241 | 60 | 0 | 0 | 22 | 338 |
| Disember | 10 | - | - | 703 | 55 | 0 | 0 | 24 | 792 |
| **Jumlah** | **175** | **-** | **-** | **5385** | **849** | **34** | **72** | **574** | **7083** |

- *Stadium Putra: (Tempahan untuk penganjuran pelbagai acara sepanjang tahun ada acara yang berlangsung, tidak dibuka untuk Program Hari KSN Bersama Anda*

- *Stadium Hoki Nasional: (Bulan Jun 2009 hingga Disember 2010) ditutup untuk kerja-kerja menaik taraf.*

- *KSNBK-SJ: Penggunaan di Gelanggang Luar Stadium Juara sahaja.*

- **PERBANDINGAN TAHUN 2009 DAN 2010**

| Perkara | 2009 | 2010 | Perbandingan | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Orang/ RM | Peratusan |
| Pengunjung (Orang) | 7,981 | 7,089 | Penurunan 892 | Penurunan 11% |




## KELAS RENANG

- **PENCAPAIAN TAHUN 2010**

  PSM turut menawarkan perkhidmatan kelas renang kepada orang ramai yang ingin belajar berenang bermula dari peringkat akar umbi, dan kelas renang ini juga menjana pendapatan kepada PSM dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Kelas renang ini terbuka kepada peserta kanak-kanak dan dewasa. Terdapat dua syarikat yang mengendalikan kelas renang. Berikut adalah jadual dan carta menunjukkan pencapaian Kelas Renang Tahun 2010:-

| Bulan | KSNBJ | |
|---|---|---|
| | Jumlah Peserta | Pendapatan (RM) |
| Januari | 211 | 4,674 |
| Februari | 233 | 5,374 |
| Mac | 303 | 5,829 |
| April | 307 | 5,540 |
| Mei | 299 | 5,999 |
| Jun | 204 | 4,119 |
| Julai | 297 | 5,289 |
| Ogos | 148 | 2,844 |
| September | 123 | 2,288 |
| Oktober | 121 | 2,348 |
| November | 145 | 2,909 |
| Disember | 128 | 2,854 |
| **Jumlah** | **2,519** | **50,067** |

• **PERBANDINGAN BAGI TAHUN 2009 DAN 2010**

| Perkara | 2009 | 2010 | Perbandingan | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Orang/ RM | Peratusan |
| Pengunjung (Orang) | 1,787 | 2,519 | Peningkatan 732 | Peningkatan 40% |
| Pendapatan (RM) | 40,796.50 | 50,067.00 | Peningkatan 9,270.50 | Peningkatan 22% |

**JUMLAH PENGUNJUNG**




**JUMLAH PENDAPATAN**




## KEAHLIAN RENANG

Kad keahlian renang KSN yang diperkenalkan pada tahun 2004 sebelum ini diuruskan oleh Bahagian Pemasaran dan Jualan (BPJ). Namun bermula 1 Mei 2010 tanggungjawab ini diserahkan kepada Cawangan Pembangunan Acara.

Dua kategori utama kad keahlian renang yang diperkenalkan oleh PSM iaitu Kad Keahlian bagi tempoh 1 bulan dan Kad keahlian bagi tempoh 3 bulan.

Faedah-faedah yang akan diperoleh oleh pemegang kad keahlian renang ini ialah penggunaan lokar percuma, penggunaan gim secara percuma, pelekat kenderaan percuma dan kebenaran meletakkan kenderaan di Parkir berhampiran Pusat Akuatik Nasional.

• **PENCAPAIAN TAHUN 2010 DAN PERBANDINGAN TAHUN 2009 HINGGA 2010**

| Perkara | 2009 | 2010 | Perbandingan | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Orang/ RM | Peratusan |
| Jumlah Penyertaan (Orang) | 13 | 13 | - | - |
| Pendapatan (RM) | 1,924 | 1,569 | Penurunan 355 | Penurunan 18% |

JUMLAH PENYERTAAN




JUMLAH PENDAPATAN




## PENYEWAAN PERALATAN

Perkhidmatan penyewaan peralatan telah dilaksanakan oleh PSM sejak tahun 1998. Tanggungjawab ini diserahkan kepada Cawangan Pembangunan Acara bermula bulan Ogos 2010.

- **PENCAPAIAN DAN PERBANDINGAN TAHUN 2009 HINGGA 2010**

| Perkara | 2009 | 2010 | Perbandingan | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Orang/ RM | Peratusan |
| Pendapatan (RM) | 72,667 | 53,850 | Penurunan 18,817 | Penurunan 25% |

JUMLAH PENDAPATAN














# Bahagian Kejuruteraan & Penyelenggaraan

Bahagian Kejuruteraan dan Penyelenggaraan (BKJP) bertanggungjawab memastikan semua kerja-kerja penyelenggaraan harian dilaksanakan dengan sebaiknya melalui kaedah pemantauan yang berbentuk lawatan ke tapak kerja, perbincangan dengan pihak kontraktor dan juga mesyuarat teknikal bagi mengenal pasti isu-isu dalam penyelenggaraan dan mencari jalan penyelesaian yang terbaik.

BKJP bertanggungjawab mengesahkan kerja-kerja yang dilakukan oleh pihak kontraktor yang dilantik agar menepati spesifikasi yang disediakan. Selain daripada itu BKJP perlu memastikan semua venue dan kemudahan berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan pada setiap masa. Bahagian ini perlu sentiasa peka dengan keperluan dan penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi memastikan KSN sentiasa menjadi venue yang unggul di mata penganjur.

BKJP mempunyai seramai 22 orang kakitangan, pelaksanaan aktiviti harian di bawah seliaan BKJP dipertanggungjawabkan kepada 2 cawangan utama iaitu Cawangan Kejuruteraan dan Cawangan Penyelenggaraan.

BKJP bertanggungjawab untuk melaksanakan fungsi-fungsi yang telah diamanahkan seperti berikut bagi memastikan pengurusan di KSN berjalan dengan lancar dan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

- Mengenal pasti, merancang dan melaksanakan projek-projek pembangunan fizikal bagi menambah baik kemudahan di KSN.

- Merangka sistem piawaian yang tinggi terhadap penyelenggaraan bangunan serta kemudahan di setiap stadium.

- Memantau setiap kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan oleh kontraktor yang dilantik bagi memastikan perkhidmatan yang diberi mencapai kualiti dan spesifikasi yang dikehendaki.

- Memastikan kerja-kerja penyelenggaraan secara berjadual dan berkala berpandukan manual operasi dan penyelenggaraan

- Menjalankan pemeriksaan peralatan dan kemudahan di setiap stadium sebelum, semasa dan selepas acara.

Laporan prestasi BKJP sepanjang tahun 2010 ini mengambil kira semua venue di bawah pengurusan PSM iaitu:-

- Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil (KSNBJ)

- Kompleks Sukan Negara Bukit Kiara (KSNBK)

- Kompleks Sukan Negara Panasonic (KSNP)

- Kompleks Sukan Negara Jalan Duta (KSNJD)

## PERBELANJAAN PEMBAIKAN DAN PENYELENGGARAAN

Bahagian ini bertanggungjawab dalam segala aspek berkaitan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan di KSN. PSM telah mendapat peruntukan bagi memastikan semua venue di selenggara dengan baik dan sentiasa berada dalam keadaan yang memuaskan. Perbelanjaan Pembaikan dan Penyelenggaraan oleh BKPJ untuk tahun 2007 hingga 2010 sebagai perbandingan.

| Tahun | Jumlah Perbelanjaan (RM) |
|---|---|
| 2007 | 14,791,862.00 |
| 2008 | 15,811,336.00 |
| 2009 | 24,011,043.00 |
| 2010 | 18,943,038.17 |

PEMBIAKAN DAN PENYELENGGARAAN




Keseluruhannya kos bagi tujuan perbelanjaan BKJP meningkat dari tahun 2007 ke tahun 2009 dan mula menurun pada tahun 2010. Pada tahun 2009, jumlah perbelanjaan telah meningkat sebanyak 34% berbanding tahun 2008 dan penurunan sebanyak 21% pada tahun 2010 berbanding 2009.

## PERUNTUKAN BANTUAN KERAJAAN

Perbelanjaan pembaikan dan penyelenggaraan diperoleh di bawah Peruntukan Bantuan Kerajaan yang telah dikategorikan di bawah tiga geran iaitu :-

- **GERAN PERUNTUKAN PENYELENGGARAAN STADIUM**

  Peruntukan ini digunakan bagi tujuan bayaran kepada kontraktor-kontraktor yang dilantik untuk kerja-kerja penyelenggaraan kebersihan dan landskap, mekanikal dan elektrikal, sivil dan padang, lif, scoreboard serta lain-lain penyelenggaraan seperti CCTV, hygiene sanitary, mesin padang dan lain-lain. Perbelanjaan penyelenggaraan tetap di bawah peruntukan ini bagi tahun 2010.

| Penyelenggaraan Tetap | Perbelanjaan (RM) |
| --- | --- |
| Kebersihan & Landskap | 4,582,339.98 |
| Mekanikal & Elektrikal | 4,194,180.00 |
| Padang | 614,180.00 |
| Lif | 26,175.00 |
| Scoreboard | 4,600.00 |
| Lain-Lain Penyelenggaraan | 2,327,031.09 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **11,748,506.07** |

- **GERAN PEMBANGUNAN (RMKE-9)**

Peruntukan sebanyak RM 20 juta disediakan di bawah Geran Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-9 yang bermula dari tahun 2006 hingga 2010. Pada tahun 2006 hingga 2008, PSM menerima sebanyak RM 14 juta dan RM 6 juta pada tahun 2009. Kos projek bagi geran pembangunan hingga tahun 2010 adalah sebanyak RM 14,769,328.55. Pada tahun 2010 sahaja, kos projek adalah sebanyak RM 6,770,237.52. Jadual menunjukkan senarai dan kos projek yang dijalankan di bawah geran pembangunan tahun 2010.

| Bil. | Projek | Kos Projek (RM) |
|---|---|---|
| 1 | Penggantian lif Stadium Putra dan Pusat Akuatik Nasional | 1,119,470.00 |
| 2 | Membaik pulih, Menaik taraf, dan mengecat Stadium Hoki | 923,235.52 |
| 3 | Menaik taraf Turf Stadium Hoki Nasional 1 dan 2 | 4,727,532.00 |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **6,770,237.52** |

- **PAKEJ RANSANGAN EKONOMI (PRE)**

Pada tahun 2009 PSM telah menerima RM 10 juta daripada Pakej Ransangan Ekonomi untuk melakukan kerja-kerja pembaikan, pembekalan alat ganti dan alatan serta penyelenggaraan peralatan dan kemudahan di venue. Pada tahun 2009, kos projek adalah sebanyak RM 8,318,181.10 bagi penyelenggaraan di empat buah Kompleks di bawah PSM iaitu KSNBJ, KSNBK, KSNJD dan KSNP. Pada tahun 2010 sahaja, kos projek adalah sebanyak RM 1,681,818.90. kos projek yang dijalankan di bawah Pakej Ransangan Ekonomi tahun 2010 adalah seperti berikut:-

| Bil. | Projek | Kos Projek (RM) |
|---|---|---|
| 1 | Kerja-kerja membina dan memasang railing bar di Stadium Nasional, KSNBJ | 66,946.50 |
| 2 | Kerja-kerja membina dan memasang bangku jenis fibre ke atas kerangka bangku asal di KSNBJ | 55,575.00 |
| 3 | Kerja-kerja membekal, memasang,menguji dan mentauliahi peralatan penyaman udara berserta sistem pendawaian elektrik di Dewan Sri Putra & kerja-kerja membekal,memasang, menguji dan mentauliahi peralatan air curtain di pintu loading bay Stadium Putra, KSNBJ | 148,800.00 |
| 4 | Kerja-kerja pendawaian elektrik di Dewan Sri Putra KSNBJ | 492,250.00 |
| 5 | Pemasangan penghawa dingin Dewan KSNP, Shah Alam | 918,247.40 |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **1,681,818.90** |

Cawangan
# Kejuruteraan

Cawangan Kejuruteraan mempunyai tiga skop utama yang menjadi nadi penggerak cawangan ini iaitu skop berkaitan tugas-tugas Mekanikal, Elektrikal dan Audio Visual. Sepanjang tahun 2010, cawangan ini telah melaksanakan projek-projek membaik pulih, menaik taraf dan memastikan peralatan dan kemudahan kejuruteraan adalah menepati piawaian yang ditetapkan. Kerja-kerja penyelenggaraan tetap dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik dan pemantauan adalah berpandukan pada Key Performance Indicator (KPI) yang telah disediakan.

Antara kerja-kerja yang telah dijalankan oleh cawangan ini sepanjang tahun 2010 adalah seperti berikut:-

| Bil | Kerja-Kerja |
|---|---|
| 1 | Kerja-kerja membekal, memasang dan mentauliah sistem MATV di Stadium Nasional KSNBJ |
| 2 | Membaik pulih “electronic distance measurement device” (EDM) |
| 3 | Kerja-kerja membekal lampu kalimantang (Flourescent) di KNSBJ |
| 4 | Kerja-kerja membekal, memasang, menguji dan mentauliah sistem siaraya di Arena KSNP |
| 5 | Kerja-kerja membekal alat ganti untuk sistem penyaman udara di KSNBJ |
| 6 | Kerja-kerja membekal, memasang, menguji serta mentauliah peralatan PLC di Stadium Nasional KSNBJ |
| 7 | Kerja-kerja menaik taraf sistem motor di kerusi mudah alih (retractable seat) Stadium Putra KSNBJ |
| 8 | Kerja-kerja membekal dan memasang “ABS Ball Valve” bagi kolam renang KSNP |
| 9 | Kerja-kerja penyediaan Peralatan Timing di Pusat Akuatik Nasional sempena National Age Group Swimming Championship 2010 |
| 10 | Pembelian minyak diesel bagi kegunaan di KSNP dan KSNJD |
| 11 | Kerja-kerja membekal bateri seal lead acid serta kerja-kerja membekal, memasang dan mentauliah karbon dioksida dan injap pelantik di Stadium Juara KSNBK |
| 12 | Kerja penggantian peralatan “exhaust fan” yang telah rosak |
| 13 | Penyewaan sistem siaraya untuk perlawanan akhir Piala F.A. di Stadium Nasional KSNBJ pada 10 April 2010 |
| 14 | Kerja-kerja membaiki dan mengenal pasti kerosakan “Dunham Bush Water-Cooled Screw Chiller model WCFX540” di Stadium Putra KSNBJ |
| 15 | Kerja-kerja pembaikan paip air laluan masuk di “cooling tower” KSNBJ |
| 16 | Pembaikan “starting block handle” |
| 17 | Kerja-kerja penggantian peralatan yang rosak pada lif Mitsubishi no. 1 Stadium Hoki Nasional KSNBJ |
| 18 | Membekal alat ganti elektrikal |
| 19 | Kerja-kerja membekal peralatan alat ganti mekanikal di KSN |
| 20 | Kerja-kerja membekal dan memasang lampu LED jenama XLED di KSNBJ |

| Bil | Kerja-Kerja |
|---|---|
| 21 | Menaik taraf lampu pejabat Pesuruhjaya Sukan di Pusat Akuatik Nasional serta lampu koridor di KSNP |
| 22 | Kerja-kerja membekal, memasang dan menguji lari sistem kawalan paparan markah di Pusat Akuatik Nasional KSNBJ |
| 23 | Menaik taraf lampu di kawasan pentas Stadium Tertutup KSNP |
| 24 | Kerja-kerja membekal dan memasang kamera CCTV secara penyewaan di KSNBJ |
| 25 | Kerja-kerja membekal KWH Meter bagi Dewan Sri Putra KSNBJ |
| 26 | Kerja-kerja membekal, memasang, menguji dan mentauliah sistem pemasangan elektrik di Stadium Putra dan Pusat Akuatik Nasional KSNBJ |
| 27 | Kerja-kerja membekal penutup lampu compound di kawasan luar KSNBJ |
| 28 | Kerja-kerja membekal peralatan lampu di KSN |
| 29 | Kerja-kerja membuka, memindah, menyimpan, memasang dan mentauliah kerusi mudah alih (retractable seat) di Stadium Putra KSNBJ |
| 30 | Kerja-kerja membekal, memasang, menguji dan mentauliah peralatan "moveable floor" (lantai mudah alih) di kolam latihan Pusat Akuatik Nasional KSNBJ |
| 31 | Kerja-kerja pembaikan lampu di Stadium Hoki KSNJD |
| 32 | Kerja-kerja membekal peralatan lampu di KSN |
| 33 | Penyewaan sistem siaraya sempena perlawanan akhir bola sepak Piala Malaysia pada 30 Oktober 2010 di Stadium Nasional KSNBJ |
| 34 | Kerja-kerja membekal, memasang, mentauliah dan menguji peralatan kebakaran di KSN |
| 35 | Kerja-kerja pemasangan alat hawa dingin 2 x 2.5hp di Bilik Mesyuarat Asean dan pemasangan alat hawa dingin 1 x 1.5hp di Stor Kewangan Stadium Nasional KSNBJ |
| 36 | Kerja-kerja membekal peralatan lampu di KSN |
| 37 | Kerja-kerja membekal, memasang dan mentauliah peralatan mekanikal di KSNBJ, KSNBK & KSNP |
| 38 | Kerja-kerja membekal, memasang, menguji dan mentauliah peralatan "compressor" di Stadium Putra KSNBJ |
| 39 | Kerja-kerja membekal, memasang dan mentauliah "greasing equipment" secara automatik di bilik chiller Stadium Nasional, KSNBJ |
| 40 | Kerja-kerja membekal dan memasang "stainless steel end cap" dan reduser di Pusat Akuatik di KSNBJ dan KSNP |
| 41 | Penyewaan peralatan siaraya sempena perlawanan separuh akhir Piala AFF |
| 42 | Sewaan peralatan siaraya sempena perlawanan akhir bola sepak Piala Suzuki di Stadium Nasional KSNBJ |

Cawangan
# Penyelenggaraan

